

Jilid 1
Bil. 63



MALAYSIA

**Hari Isnin
7hb Februari, 1972**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

RANG UNDANG²:

- Rang Undang² Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 7023]
- Rang Undang² Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) [Ruangan 7025]
- Rang Undang² Chukai Pendapatan (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 7037]
- Rang Undang² Jaminan Pinjaman [Ruangan 7045]
- Rang Undang² Chukai Pendapatan (Pindaan) [Ruangan 7068]
- Rang Undang² Chukai Perjudian [Ruangan 7069]
- Rang Undang² Chukai Jualan [Ruangan 7084]

USUL²:

- Uchapan Penanggoan (Pekerja² Municipal Mendapatkan Keutamaan Rumah²) [Ruangan 7096]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 7hb Februari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI, (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.P. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu-Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

Yang Berhormat TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER
(Bau-Lundu).

- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE, (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).

Yang Berhormat WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- .. TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- .. RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- .. DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- .. TUAN PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- .. TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- .. DR S. SEEVERATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- .. TUAN HAJI SHAFIE BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- .. TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- .. DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- .. TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- .. TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- .. DR SULAIMAN BIN MOHD. ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- .. TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- .. TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- .. TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S., K.M.N. (Kluang Utara).
- .. TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- .. TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- .. TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- .. TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- .. TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- .. TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- .. TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- .. TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH
ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL
GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO'
ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Raub).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
(Kuala Kedah).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

„ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K.
(Kota Belud).

„ TUAN HAJI MOHD. YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.,
J.M.N. (Sabak Bernam).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,
O.B.E. (Marudu).

„ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG²RANG UNDANG² PILEHANRAYA
(PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menyambong sa-mula Perbahathan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (4hb Februari, 1972).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli yang berchakap waktu persidangan ini di-tanggohkan ia-lah Ahli dari Muar Dalam, dan saya kata dia sa-orang sahaja lagi yang boleh berchakap sa-belum di-undi. Kalau dia tidak ada, saya akan jemput Menteri menggulong.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu menguchapkan berbanyak² terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat terutama daripada pehak Kerajaan, kerana menyokong usul ini dan mereka, terutama sa-kali, saudara kanan ia-itu Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, telah memberi hujah²-nya yang menjawab dalam segi politik terhadap tuduhan² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat dari pehak Pembangkang. Jadi, saya rasa tidak payah lagi-lah saya memberi hujah² dan jawapan berkenaan dengan hal² politik. Chuma izinkan saya menjawab berkenaan dengan butir² berkaitan dengan undang² sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu ada menimbulkan dan menanya siapakah yang akan menentukan sama ada satu simbol itu berkaitan dengan ugama. Soal simbol yang berkaitan dengan Islam atau pun ugama kita tinggalkan-lah kapada Surohanjaya Pilehanraya itu sendiri.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan atas apa?

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Atas soal Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan soal simbol Pilehanraya itu akan di-serahkan kapada Surohanjaya Pilehanraya.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dia habiskan ucapan-nya dahulu, tengah dia beruchap macham mana?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Speaker, pendapat Surohanjaya itu akan berdasar kapada amalan² biasa. Tujuan Rang Undang² ini hanya untuk melarang simbol² yang berkaitan dengan ugama atau yang tidak di-kehendaki dari segi moral atau ketenteraman.

Perkara yang kedua-nya juga di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu berkenaan dengan pertentangan atau kekaboran undang² yang wujud dalam negara kita dan membuat chontoh, khususnya Peratora² Pilehanraya (Perjalanan Pilehanraya), 1.59 dengan Akta Pertubohan, 1966. Sa-benar-nya tidak ada pertentangan di-antara Peratoran dan Akta tersebut. Simbol² parti untuk kegunaan umum ada-lah di-luluskan di-bawah Akta Pertubohan, 1966. Mengikut Section 50 (2) Akta Pertubohan, 1966, Pendaftar Pertubohan boleh memberi syarat² atas kegunaan satu² simbol. Rang Undang² di-hadapan kita hanya berkenaan dengan Pilehanraya. Sa-lepas Rang Undang² ini di-luluskan memang boleh Pendaftar membuat syarat bahawa jika satu² simbol itu berkaitan dengan ugama ia tidak boleh digunakan, jika berlawanan dengan Undang² Pilehanraya. Ini membuktikan bahawa Rang Undang² ini tidak berchanggha dengan undang² lain. Bagi ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu di-negara kita sudah pun beberapa lama ada Bahagian Khas di-Jabatan Peguam Negara untuk mereview segala undang² di-negara kita yang di-ketuai oleh sa-orang Pesurohjaya yang sekarang ini di-sandang oleh sa-orang bekas Hakim Mahkamah Tinggi.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merojokkan kapada surat Pendaftar Pertubohan² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu itu. Pendaftar mengikut sekshen 50 Akta Pertubohan, 1966 ada-lah berkuasa menolak sa-suatu permohonan untuk mendaftarkan simbol sa-kira-nya simbol itu mengikut pendapat-nya akan mengelirukan pemikiran

orang ramai. Mengikut pengalaman Pendaftaran pada masa² yang lampau bahawa simbol Bulan Bintang ada-lah mengelirukan pemikiran orang ramai kerana simbol itu ada-lah di-anggap oleh mereka ada kaitan dengan agama Islam—dengan sebab di-masjid² di-negara² Islam ada menggunakan simbol Bulan Bintang. Dengan sebab itu-lah permintaan itu di-tolak.

Pengalaman ini bukan-lah dari segi fatua tetapi ada-lah sa-mata² dari segi pendapat dan amalan yang telah berlaku pada masa² yang lampau untuk mengelakkan kekeliruan fikiran orang ramai, malahan Bulan Bintang ini bukan sahaja di-anggap oleh orang² Melayu sa-bagai lambang agama Islam bahkan juga antara orang² bukan Islam memikirkan Bulan Bintang ini sa-bagai lambang Islam. Dengan surat Pendaftaran itu tidak-lah berma'ana Kerajaan menghukumkan Bulan Bintang itu ada kaitan dengan agama. Keputusan yang di-buat-nya ada-lah sa-mata² hendak mengelakkan kekeliruan fikiran orang ramai. Dengan sebab itu, soal membawa perkara ini ka-Majlis Raja² tidak timbul. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PINJAMAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan bahawa satu Rang Undang² bernama "Satu Akta untuk meminda Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959" di-bacha bagi kali kedua.

Pihak Kerajaan memperoleh pinjaman² dari dalam negeri dan daripada pasaran luar negeri bagi tujuan pembangunan dan tujuan² 'am. Bagi pinjaman² dalam negeri untuk jangka sederhana dan jangka panjang, ini di-perolehi mengikut Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959. Ordinan tersebut pada mula-nya menghadkan jumlah pinjaman yang boleh di-perolehi sa-hingga \$300 juta. Had ini di-naikkan menjadi \$2,200 juta dalam tahun 1966. Pada masa ini, had pinjaman seperti yang di-tentukan oleh Akta Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 1969 ia-lah \$3,700 juta.

Pada penghujung tahun 1971, jumlah pinjaman yang di-buat di-bawah Ordinan Pinjaman mungkin mencapai jumlah \$3,330 juta. Ini meninggalkan baki sa-belum had berkanun 1969 di-chapai sa-banyak \$370 juta. Di-bawah Rancangan Malaysia Kedua pinjaman dalam negeri yang di-perlukan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$3,500 juta. Ada-lah terbukti bahawa baki pinjaman sa-banyak \$370 juta daripada had tahun 1969 tidak-lah mencukupi untuk membiayai tujuan² di-atas.

Ada-lah di-rasakan perlu had berkanun yang ada sekarang ini di-tinggikan daripada \$3,700 juta kepada \$7,200 juta. Ini sudah tentu akan meninggikan had pinjaman sa-banyak \$3,500 juta. Jumlah ini akan mencukupi bagi membiayai keperluan² bagi tahun 1972 dan 1973 di-bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, bangkangan² sering-kali terdapat apabila pihak Kerajaan mengemukakan chadangan berchorak demikian kepada Dewan ini. Berkali² saya menegaskan dan saya ulangi sa-kali lagi untuk kepentingan mereka bahawa ada-lah tidak menjadi soal sa-kira-nya pinjaman yang bertambah ini di-buat bagi tujuan² yang akan mendatangkan pertambahan dalam pendapatan dan daya pengeluaran. Sa-kira-nya prinsip ini di-ikuti sakalian-nya, ada-lah di-akui bahawa pinjaman yang lebih banyak ada-lah di-ingini daripada pinjaman yang sedikit kerana perbelanjaan demikian akhirnya akan mendatangkan kegiatan ekonomi yang lebih besar dan ini akan memudahkan pihak Kerajaan membahagikan² nya dengan lebih saksama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Amendment, it seems to me, is seeking powers to seek loans for the Second Malaysia Plan. In fact, there are already powers to seek a certain amount of money. This Bill seeks additional powers to raise further loans for the programmes which are embodied in the Second Malaysia Five-Year Plan.

Tuan Yang di-Pertua, we are now wondering whether the entire Malaysia Plan is going to be depended on foreign loans. We have now reached a stage where our foreign debts have increased enormously in comparison with our development and it is absolutely clear that we have to review the policy on foreign loans. If not, we will be facing great crises in time to come. At the moment, of course, our Second Malaysia Plan is depended on these loans and, secondly, on the workers' contributions to the E.P.F. The workers, of course, do not benefit anything except a small percentage of interest. But this money has been utilised by the Government as the Government keeps this money at its disposal. I do not wish to go at length on this subject, but personally I am against the powers which are sought in this Bill to seek additional loans than allowed by the powers already existing with the Government.

Mr Speaker, Sir, we have seen that most of the Asian countries depending completely on foreign loans for their development projects have in one way or the other come to face many complicated problems ultimately. This experience undergone by other countries should not be again experimented in our country. While efforts are being made to seek loans for certain important projects, the Government should be able to raise money locally, not in the form of raising the taxes and imposing hardship on the poor section of the community, but there are many methods of raising money in this country. Many business tycoons—big businesses—are allowed to escape from shouldering their responsibility in the socio-economic development of the country. Every time the question of

development arises the poor man who lives from hand-to-mouth is further burdened with all forms of taxation which is added into his daily purchases, which creates problems to the lower income group. We have found, Sir, in many developing countries or developed countries—at least in some countries—they are able to plan their development programmes accordingly and they have been successful to raise the money required locally by taxing those who can afford to pay, those who have the means to pay for the socio-economic development. But our Government, of course, have found it easier to push the ordinary poor people against the wall, leaving those who can pay, scot free. A capitalistic orientated economic system or a government, I am sure, will not be able to find ways and means to tax the rich. They are more concerned to exploit further the poor people than tax the rich.

Mr Speaker, Sir, I feel that absolute dependence on foreign loans is not going to create a healthy atmosphere economically. The Government

Tuan Ali bin Haji Ahmad: (*Dengan izin*) This Bill concerns the raising of local loans, not foreign loans. Another thing the Honourable Member is talking about is taxation. The Bill is not about taxation; the Bill is about the raising of the ceiling for the local loans.

Tuan Yang di-Pertua: I wish the Honourable Member would take note of that and stick to the Bill. We have only a very short time and there is no time to wander about.

Tuan V. David: I am sure when the Government seeks local loans the target would be the Employees Provident Fund money and normally this money is taken for the use of the Government while the poor workers do not benefit by this loan. Sir, whatever it may be, the powers sought by the Government are wide and we only request the Government to be cautious in spending public money. Having a massive mandate to proceed with any form of action does not mean it should be abused, which will ultimately affect the people of this country. Thank you, Sir.

Tuan Walter Loh Poh Khan (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk Sekshen 3 dalam Ordinan Pinjaman (Tempatan), 1959 ada-lah dengan ini di-pinda dengan menggantikan sekshen-kecil 3 menggantikan perkataan \$3,700 juta yang terdapat dalam tajok panjang itu dengan perkataan \$7,200 juta. Walau pun ada-lah perlu mengadakan bahawa Menteri Kewangan memberi kuasa mendapatkan wang tersebut untuk maksud membiayai Ranchangan Malaysia Kedua, tetapi mesti-lah ada satu keterangan dengan penoh perhatian mengapa Kementerian-nya bertujuan memerlukan tambahan.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I am very concerned about this Bill empowering the Minister to raise public funds. I wonder whether this is solely used for the Second Malaysia Plan or whether it is only a pretext. As I see it, the Government has so far already raised \$4,238 million in domestic loans, not counting external market loans and external project loans; and the grand total of loans the Government has so far borrowed is \$4,983 million. I used to wonder how we are going to pay back these loans. As you can see from the Finance Minister's Report he is now cracking his head to find more money from the people and also new taxes are being introduced—the latest one will be the sales tax, coming up very soon; and not only this, I am sure in time to come more taxes will be introduced and the people will suffer. Do not try to spend when we do not have the money, but spend within our means.

Mr Speaker, Sir, more than a year ago we launched the Second Malaysia Plan and yet up to today there is no report of any progress being presented. How much money has been spent? The Government was unconcerned. Sir, the 1970 Accounts of the Federal Government of Malaysia have not been audited, and I quote, Sir, "I have accordingly to report that I have not yet received any of the prescribed statements relating to the accounts for the year ended 31st December, 1970 of the Federal Government of Malaysia". This is the Auditor General's Report querying why the Government has not presented the accounts for audit. This is highly irregular and very serious because the Government is spending public money and it has not been properly vouched for by the auditors as to the correctness of using the public funds.

Another point is the F.M.S. Widows and Orphans Pension Fund. The Government has used this money and I cannot find in any of the accounts where this money has gone to. I want an assurance from the Minister to tell me where this Fund has gone to; there is no reserve fund to put aside this money, and now the Government finds it difficult to repay back this money as there is no reserve fund. All these point out clearly that the Government must have somehow, whether knowingly or unintentionally, misused some of the public funds, I would like to receive also an assurance from the Minister when he is going to present the 1970 Accounts for audit so that the people will know where the money has been spent. Thank you.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memberi sokongan di-atas Rang Undang² bagi meminda Ordinan Pinjaman (Tempatan), 1959 yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di-dalam Dewan ini kerana atas kepercayaan bahawa tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk mendapatkan wang bagi membiayai Ranchangan Malaysia Yang Kedua.

Dato' Yang di-Pertua, baharu sa-kejang dua orang sahabat dari sa-belah Pembangkang telah menyatakan rasa kurang senang dengan Rang Undang² ini kerana pada pendapat saya, Dato' Yang di-Pertua, memang begitu-lah sikap Ahli Pembangkang yang ada di-dalam Dewan ini, sama ada waktu berada di-dalam Dewan ini atau di-luar Dewan apakala Kerajaan mengemukakan untuk membuat Ranchangan Malaysia Yang Kedua, maka mereka-lah juga mengatakan ini tidak menchukupi dan itu tidak menchukupi. Apakala di-bentangkan suatu Rang Undang² untuk mendapatkan wang bagi membiayai Ranchangan Malaysia Yang Kedua, maka mereka juga mengatakan pinjaman yang seperti ini tidak perlu dan ini membebankan ra'ayat. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, kalau Kerajaan yang ada pada hari ini mengikut nasehat² yang di-berikan oleh pehak Pembangkang di-dalam Dewan ini sudah tentu Kerajaan yang ada pada hari ini tidak dapat berjalan dengan baik kerana pada fahaman saya, Dato' Yang di-Pertua, Ranchangan Malaysia Yang Kedua tidak dapat di-jalankan dengan hanya sikap² dan kata², dia mesti di-jalankan dengan berasaskan kewangan yang cukup dan Kerajaan

Perikatan yang ada pada hari ini ada-lah merupakan sa-bagai sa-buah Kerajaan yang bertanggung-jawab kepada ra'ayat. Perkara pokok bagi Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat ia-lah memberi gambaran bahawa ia sa-buah Kerajaan yang chekap, boleh berkhidmat bagi kepentingan ra'ayat dan melaksanakan segala projek² yang berfaedah. Bagi memenuhi kehendak ini, Dato' Yang di-Pertua, sudah tentu kita berkehendakkan kepada kewangan yang banyak, chumà apa yang saya ingin menyatakan kepada pehak Kerajaan, kepada Kerajaan saya sendiri dalam masa melaksanakan, atau pun di-dalam masa menggunakan wang yang hendak di-pinjam dalam negeri ini hendaklah memberi keutamaan yang lebih kepada ranchangan² yang ekonomi, yang lebih berfaedah kerana dari sa-lama ini, dari pengalaman dalam masa Kerajaan menjalankan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dahulu banyak wang² yang kita dapati telah kita gunakan dalam perkara² yang kurang faedah kepada ra'ayat dan sebab itu-lah ra'ayat kadang² ragu² apakala mendengar Kerajaan hendak meminjam wang sama ada dalam negeri atau luar negeri, mereka khuatir kalau² apa yang berlaku dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama dahulu berlaku pula di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini. Tetapi atas keyakinan, atas kepercayaan bahawa Kerajaan baharu yang ada pada hari ini yang di-pimpin oleh sa-orang Perdana Menteri yang baharu dan mempunyai penyusunan di-dalam pemerintahan ini dengan chara dan bentuk baharu dan dapat berjalan dengan semangat baharu, maka saya rasa Rang Undang² yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri baharu sa-kejap ini jelas dengan kehendak Kerajaan yang ada sekarang ini yang akan memberi suatu gambaran kepada ra'ayat bahawa kami dapat memenuhi kehendak² ra'ayat di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini.

Perkara yang akhir, yang saya ingin nyebutkan di-dalam Dewan ini, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah apabila kita sampai kepada peringkat pelaksanaan kadang² wang yang kita hendak gunakan dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini nanti boleh jadi wang ini tidak akan dapat di-gunakan dengan baik dan sempurna kira-nya pehak Kerajaan tidak dapat membetulkan kedudukan sa-tengah² pemikiran Pegawai Kerajaan, bukan semua, Dato' Yang di-Pertua, sebab saya

terpaksa memberi penghargaan kepada Pegawai² Kerajaan yang ada dalam tanah ayer kita ini, tetapi satu perkara yang tidak dapat di-nafikan bahawa ada sa-bilangan yang kecil dari Pegawai² Kerajaan yang hanya-lah memikirkan bahawa mereka bekerja bukan untuk ra'ayat, tetapi mereka bekerja dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang memenuhi keperluan dia sa-bagai sa-orang Pegawai Kerajaan. Sebab itu-lah pegawai² yang saya sebutkan ini, yang bilangan-nya kecil dalam tanah ayer kita ini kira-nya di-biarkan mereka ini terus-menerus, maka mereka ini akan menjadi duri di-dalam daging di-dalam negara kita ini. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong sa-ratus peratus di-atas Rang Undang² ini. Pinjam-meminjam itu memang-lah adat manusia di-atas dunia. Kalau manusia itu hendak maju, dia mesti pinjam, tetapi pinjaman itu mesti-lah untuk kesenangan diri dia supaya dia dapat berniaga dengan duit itu dan membesarkan perniagaan-nya. Jadi dengan sebab itu, maka bank² yang terdiri di-negeri kita ini banyak yang meminjam wang supaya orang boleh meminjam dan membesarkan perniagaan². Jadi, dalam sa-sabua negeri, wang ada-lah penting untuk pembangunan. Bukan perkara chukai pendapatan dan sa-bagai-nya, tetapi juga untuk kita meminjam, baik di-dalam atau di-luar negeri supaya Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini berhasil. Kita hendak jambatan, kita hendak sekolah, kita hendak tentera kita kuat, kita hendak kesihatan yang lebih baik, kita hendak jalan² raya, kita hendak membuka tanah dan sa-bagai-nya, ini terpaksa memakan wang yang cukup banyak dan terpaksa Kerajaan men-chari wang di-atas perkara ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, daripada Merlin Hotel dapat meminjam wang daripada EPF, saya ada-lah menyokong supaya lebih baik Kerajaan meminjam wang EPF daripada private—pinjaman daripada EPF itu ada-lah duit orang ramai, dan dengan itu ada-lah lebih baik Kerajaan meminjam-nya.

Saya ada-lah menyokong dengan sa-ratus peratus supaya Kerajaan dapat meminjam duit EPF di-gunakan untuk kebaikan masha-rakat di-luar² bandar, oleh kerana masha-rakat di-luar² bandar pada hari ini kita hendak samakan dengan di-bandar, maka wang² yang kita pinjam itu dapat-lah kita

membantu penduduk² di-luar bandar supaya di-rasai oleh orang² kita di-luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat dari Parti Perikatan yang telah menyokong Rang Undang² ini dan juga memberi ulasan yang membena, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa-lah berterus-terang di-dalam Dewan ini, saya tidak dapat mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang kerana kechaman atau pun criticism yang di-buat-nya tidak sama sa-kali membena.

Pertama sa-kali saya suka-lah mengulas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat. Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah saya nyatakan di-dalam ucapan saya tadi, ia-itu dasar Kerajaan meminjam sama ada pinjaman di-luar negeri atau pun pinjaman di-dalam negeri ia-lah untuk ranchangan² pembangunan. Ini-lah dasar Kerajaan meminjam wang yang telah di-jalankan sa-lama ini, ya'ani dasar Kerajaan Perikatan yang telah di-jalankan sa-lama ini. Jadi, yang saya nampak kalau meminjam wang untuk ranchangan² pembangunan yang akan menambahkan kegiatan ekonomi dan akan menambahkan kekayaan negeri ini ada-lah tidak menjadi salah dan sa-bagai hasil-nya, ya'ani pada masa yang telah lalu sampai-lah kepada masa sekarang ini Kerajaan meminjam untuk ranchangan² pembangunan ini-lah kita dapati bahawa pada masa sekarang ekonomi Malaysia tetap berkembang dan tetap maju daripada satu masa ka-satu masa. Oleh kerana itu, tentang mereviewkan polisi meminjam oleh Kerajaan Pusat Perikatan tidak timbul. Kalau-lah sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu hendak mereviewkan atau hendak mengubahkan, tunggu-lah bila masa parti-nya dapat berkuasa.

Yang kedua-nya, Ahli Yang Berhormat itu sa-lain daripada berchakap tentang perkara² yang tidak ada kena-mengena dengan Bill, ia-ini ucapan² yang lebeh bersifat demagoguery di-dalam Dewan ini, Ahli Yang Berhormat itu juga menudoh yang tidak patut, ia-ini mengatakan pekerja² di-dalam negeri ini di-tipu, atau pun lebeh kurang begitu-lah maksud-nya kerana wang yang mereka simpan di-dalam EPF itu di-pinjamkan kepada Kerajaan, sedangkan mereka tidak mendapat apa² faedah.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah suatu tuduhan, sa-lain daripada tuduhan yang bohong, ada-lah tuduhan yang jahat, Tuan Yang di-Pertua. Pihak Kerajaan tidak menipu wang pekerja², tidak menyalahgunakan wang pekerja² yang di-simpan di-dalam EPF, tidak satu sen pun wang pekerja yang tersimpan di-dalam EPF di-salahgunakan dan di-tipu oleh Kerajaan sa-bagaimana yang di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat itu, sa-balek-nya tiap² wang yang di-pinjam oleh Kerajaan daripada EPF itu ada-lah di-bayar faedah-nya balek kepada EPF dan pihak EPF membayar balek faedah itu kepada pencharom² atau kepada pekerja² yang mencharomkan wang-nya kepada EPF. Kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu boleh memberikan bukti yang jelas bahawa Kerajaan menipu atau pun menyalahgunakan wang pekerja² di-dalam negeri, yang tersimpan di-dalam EPF, saya menchabar Ahli Yang Berhormat itu kemukakan bukti yang jelas, yang tepat supaya boleh di-ambil tindakan. Jadi, saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini sa-harus-nya sudah lama di-dalam politik dan sudah lama di-dalam Parlimen² yang dahulu, saya harap Ahli Yang Berhormat itu sa-makin matang ucapan-nya, sa-makin matang pemikiran-nya, sa-makin matang politik-nya, kalau hendak berpolitik di-dalam Dewan ini dan tidak menudoh yang bukan².

Soal yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu menentang, membangkang bila di-naikkan chukai—di-bangkang, bila di-kenakan chukai beliau membangkang, bila Kerajaan hendak mendapatkan loan dengan chara tidak hendak mendapatkan wang dengan chara menaikkan chukai atau menambahkan bebanan chukai, beliau membangkang; tetapi sa-balek-nya pula bila berchakap tentang ranchangan, bila berchakap tentang gaji² pekerja, beliau minta di-tambahkan sa-tiap masa. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita ia-lah Kerajaan yang berdasarkan prinsip ekonomi-nya, prinsip kewangan, kepada prinsip² yang sehat. Kita boleh dengan tidak payah mengenakan lebeh chukai, dengan tidak payah meminjam kalau hendak menaikkan gaji, hendak menambahkan perbelanjaan Kerajaan, kita boleh buat sa-bagaimana Kerajaan Jepun pada masa perang dahulu, chap note banyak², tetapi akhir-nya note itu tidak laku. Ada-kah keadaan ekonomi, keadaan kewangan saperti ini-lah yang di-kehendaki oleh Ahli Yang

Berhormat itu? Kalau ini-lah yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu, tunggu-lah bila masa parti-nya memerintah Malaysia ini kelak. Kalau tidak, kami tidak sanggup berbuat begitu. Kerajaan Perikatan tidak sanggup berbuat sa-hingga menjahanamkan ekonomi, menjahanamkan kewangan negeri ini sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh pemikiran Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir chukop-lah sa-takat itu tentang Ahli Yang Berhormat itu. Saya fikir ta' payah-lah kita habiskan masa banyak² dan saya pergi kapada perkara yang di-kemukakan, oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi minta, ia-itu tiap² loan hendak ada keterangan² tentang tujuannya dan sa-bagai-nya. Tentang perkara ini suka-lah saya membagi jaminan ia-itu tiap² loan yang di-kehendaki oleh Kerajaan adalah dengan tujuan² yang terang, yang jelas, yang di-bentangkan sama ada melalui Siaran² Kerajaan, sama ada melalui kertas² yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini, pendek-nya ada-lah dengan keterangan² yang jelas, tetapi kalau sa-kira-nya ada Ahli Yang Berhormat itu merasa shak, ada menaruh suspicious terhadap sa-barang tujuan pinjaman (loan) yang di-kehendaki oleh Kerajaan itu maka saya bersukachita akan memberikan keterangan jika sa-kira-nya diperlukan, tetapi pada umum-nya boleh-lah saya memberikan jaminan bahawa tiap² wang yang di-pinjam oleh Kerajaan ini adalah di-belanjakan dengan sa-chara terator, dengan sa-chara yang betul dan dengan tujuan² untuk Ranchangan² Pembangunan.

Yang kedua-nya, Ahli Yang Berhormat itu berkata, dengan tujuan-nya kalau tidak ada wang jangan belanja. No money, don't spend anything. Itu-lah maksud-nya. Tuan Yang di-Pertua, ini ia-lah suatu konsep menjalankan kewangan sa-chara out of date, yang sudah lapok. Kalau kita tengok kapada negara² yang di-dalam dunia sekarang, tidak ada negara yang tidak meminjam untuk ranchangan² pembangunan, terutama sa-kali. Semua negara, sama ada besar atau kecil ada-lah terpaksa meminjam. Kalau sa-kira-nya tidak ada wang dan jangan belanja, pertama sa-kali soal; saya maseh ingat lagi, Ahli Yang Berhormat itu sendiri, waktu membahaskan budget beberapa hari yang lepas minta di-tambahkan perkara itu, minta

di-tambahkan perkara ini, minta di-tambahkan peruntukan Kementerian itu, minta di-tambahkan peruntukan Kementerian ini, sedangkan baharu sa-bentar tadi Ahli Yang Berhormat itu berkata: Ta' ada wang jangan belanja. Jadi, di-sini nampak-nya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa chara pemikiran, sikap, approach dan sa-bagai-nya Ahli² Yang Berhormat daripada parti Pembangkang ini tidak consistent. Jadi, kalau tidak consistent bagaimana-kah orang² saperti ini di-harap hendak memerintah negeri ini dengan baik. Terpulang-lah kapada ra'ayat di-dalam negeri ini untuk memberikan keputusan-nya sa-bagai hakim pada masa² yang akan datang.

Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa faham tentang ekonomi, tentang finance, terutama sa-kali high finance, suka-lah saya menerangkan dengan chara yang paling mudah in the simplest manner. Kita ambil-lah sa-cing (A). Beliau tidak chukop modal hendak berniaga, tidak chukop wang hendak berniaga. Kalau beliau tidak mahu meminjam, boleh jadi beliau tidak dapat menjalankan perniagaan-nya. Bila tidak dapat menjalankan perniagaan-nya, maka tidak ada-lah keuntongan. Sa-balek-nya kalau beliau meminjam daripada bank atau sa-bagai-nya maka wang pinjaman itu dipergunakan-nya untuk berniaga, maka ia akan dapat untung. Sa-bahagian daripada keuntongan-nya itu akan di-bayar untuk wang pinjaman dan yang lebeh-nya menjadi keuntongan-nya, tetapi kalau dengan tidak ada meminjam sama sa-kali, boleh jadi beliau tidak akan mendapat sa-barang keuntongan pun. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan chara contoh yang paling mudah, yang paling simple sa-macham ini Ahli Yang Berhormat itu akan dapat faham tentang apa yang di-katakan bebanan pinjaman, yang dibuat oleh Kerajaan kapada ra'ayat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Auditor's report yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak itu tidak di-kemukakan kapada Kerajaan, ini ada-lah suatu perkara yang routine bagi Auditor-General membuatkan laporan-nya kapada Dewan ini bila mereka belum lagi menerima repot atau pun akaun daripada Kerajaan, terutama sa-kali daripada Kementerian² dan Jabatan². Jadi, bila pehak Auditor-General tidak dapat lagi mengakukan bahawa kewangan Kerajaan ini

telah di-odit-nya dengan betul, dengan penuh, maka laporan yang sa-macham ini memang biasa di-bentangkan, tetapi ini tidak-lah berma'ana bahawa wang² Kerajaan ini tidak di-belanjakan mengikut peratoran² yang biasa. Ini hanya ada-lah soal waktu. Jadi, tentang hal ini, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa jangan-lah ada sa-barang keraguan tentang wang² kerajaan yang di-belanjakan, walau pun penyata bagi tahun 1970 ini lambat di-oditkan oleh Auditor-General.

Bagitu tentang Widows Fund yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, perkara ini juga saya suka memberi jaminan ia-itu tidak ada sa-barang salah-guna oleh pehak Kerajaan dan bila² di-perlukan wang ini ada pada Kerajaan. Jadi, saya hendak menunjukkan dengan sa-chara tergesa² di-sini tentang di-mana akaun itu tidak-lah dapat saya buat, Tuan Yang di-Pertua, tetapi boleh-lah saya beri jaminan sa-kali lagi bahawa tidak ada sa-barang salah-guna oleh pehak Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja ulasan dan jawapan saya kepada bahathan ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² CHUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) No. 3)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa suatu Rang Undang² bernama "Suatu Akta meminda Akta Chukai Pendapatan, 1967" di-bacha pada kali yang kedua-nya.

Rang Undang² tersebut akan meminda sekshen² 2, 35, 50, 92, 97, 100 dan 102 serta Jadual² 3, 5 dan 9—Akta Chukai Pendapatan, 1967. Tujuan pindaan² itu ada-lah di-sebutkan dalam kenyataan penerangan yang berlampiran dengan Rang Undang² itu. Ada-lah di-lihati bahawa kechuali pindaan yang di-chadangkan kepada Jadual 3 kesemua-nya pindaan² ada-lah sama teknikal dalam bentuk-nya atau pun bertujuan am-nya untuk memperbaiki pungutan chukai dan pentadbiran. Saya akan menerangkan dengan ringkas-nya. Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian daripada pindaan² yang penting.

Pindaan kepada sekshen 2 ada-lah bertujuan untuk mendefine sa-mula perkataan "Malaysia" dengan meluaskan bidang atau scope pendapatan kepada kegiatan menggerudi yang di-jalankan oleh pemborong² tidak bermastautin dan perkhidmatan pekerja² mereka yang tidak bermastautin berkenaan dengan kerja² petroleum di-luar perayeran wilayah Malaysia tetapi di-dalam Pelantar Benua (Continental Shelf). Sekshen 5 Akta Pelantar Benua, 1966, sahaja nampak-nya tidak menchukopi bagi tujuan ini dan satu peruntokan khas yang sama definisi-nya dengan undang² chukai pendapatan petroleum kita ada-lah di-fikirkan perlu di-masokan dalam Akta Chukai Pendapatan.

Pindaan kepada sekshen 35 bertujuan untuk menghalangkan amalan tidak adil untuk mengurangkan beban chukai mengenai perniagaan berhubung dengan harta² tidak bergerak, setok², sher² atau pun chagaran² (securities) yang boleh di-pasarkan. Pada masa ini sekshen itu membekalkan mengenai perniagaan yang maseh berjalan oleh sa-orang pembayar chukai, nilai sa-suatu setok yang tidak di-jual pada penghujung tahun asas untuk satu tahun taksiran akan di-anggap sa-bagai satu jumlah bersamaan dengan harga pasaran-nya pada masa itu melainkan pembayar chukai itu memilih untuk menilai setok yang tidak di-jual itu bersamaan dengan harga di-beli. Sambal peruntokan ini untuk membuat taksiran setok² penutup ada-lah sesuai untuk suatu perniagaan berhubung dengan pengeluaran, barang² atau pun barang² perniagaan oleh kerana ada-lah kaedah perkiraan biasa untuk melayan kerugian yang di-jangka

tetapi bukan-nya keuntongan, satu keganjilan akan timbul dalam perniagaan berhubung dengan harta² tidak bergerak, setok², sher² atau pun chagaran yang berpasaran yang menilaikan sa-suatu setok yang tidak di-jual mengikut harga pasaran pada penghujung satu tempoh asas apabila harga beli-nya rendah. Ini akan mengakibatkan di-kenakan keuntongan mengikut perkiraan (national profit) untuk tahun itu, dengan itu di-bagi²kan keuntongan² pada tahun² dalam mana setok itu di-pegang. Pindaan itu akan menyingkirkan keganjilan dengan mewajibkan sa-orang pembayar chukai yang menjalankan perniagaan harta² tidak bergerak, setok², sher², atau pun chagaran berpasaran untuk menilai sa-suatu setok yang tidak di-jual pada penghujung tempoh asas bagi satu tahun taksiran satu jumlah bersamaan dengan harga beli-nya atau pun harga pasaran-nya mengikut mana yang rendah.

Tuan Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh Rang Undang- Pinjaman (Tempatan), (Pindaan) 1959. Bill ini sabagaimana kita tahu, a straightforward Bill. Dalam Huraian (Explanatory Statement) Rang Undang- ini bertujuan untuk menambab jumlah wang sa-banyak²-nya yang boleh di-dapatkan di-bawah Ordinan Pinjaman (Tempatan), 1959, dari tiga ribu tujuh ratus juta ringgit menjadi tujuh ribu dua ratus juta ringgit bagi maksud membiayai Ranchangan Malaysia Kedua. Kita tahu kalau kita semua menyokong dalam Dewan ini, kita akan dapat melaksanakan Ranchangan Malaysia Kedua. Kalau Bill ini di-kemukakan di-Parlimen kena pada masa-nya, oleh kerana tidak ada Pindaan ini, tentu-lah barangkali susah sedikit hendak menjalankan Ranchangan² yang ada di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Jadi kita pun sudah tahu, Dewan ini pun sudah meluluskan satu Akta Pinjaman, 1971—tahun dahulu saya ingat. Banyak kompi sudah di-tubuhkan. Sungguh pun rate itu di-setujui oleh Kerajaan dan Bank Negara tetapi interest rate ada sedikit tinggi kepada bank² dengan sebab itu kita tahu kompi² ini hendak-lah di-besarkan dengan di-beri peluang kepada ra'ayat untuk beli stock daripada Kerajaan. Dengan ini dapat-lah kompi² itu menambahkan wang-nya. Sungguh pun stock keluar daripada Kerajaan atau "issue of stock by the Government" mengenai interest atau bunga kurang sedikit jadi kalau Bank atau borrowing kompi dapat, saya ingat ra'ayat akan sedar dan lebeh lagi wang simpanan-nya atau beli stock yang di-keluarkan oleh Kerajaan. Tetapi kita tahu apabila Kerajaan mahu issue stock dengan banyak ada-lah tidak dapat, jadi Rang Undang² ini ada-lah bagus, ada peluang kepada sa-siapa yang mahu menyimpan wang simpanan-nya kepada Kerajaan dan ta'at kepada Kerajaan serta tundok kepada Kerajaan

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Rang Undang² mana yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak tahu Rang Undang² yang mana yang di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Lee Seck Fun: Rang Undang² Chukai Pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua: Rang Undang² Chukai Pendapatan itu sudah di-luluskan, apa yang hendak di-bahathkan lagi?

Tuan Lee Seck Fun: Tuan Yang di-Pertua, ini ada sedikit bersangkut-paut berkenaan dengan perkara yang di-kemukakan ini—Preamble sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita bahathkan Rang Undang² Jaminan Pinjaman.

Tuan Lee Seck Fun: Ya, saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Rang Undang² Jaminan Pinjaman. Jadi apa² tegoran yang berkenaan dengan Rang Undang² Jaminan Pinjaman boleh di-terima, sa-lain daripada itu tidak.

Tuan Lee Seck Fun: Tuan Yang di-Pertua, saya faham, tetapi ini saya berchakap Preamble sedikit mengenai Loan (Amendment) Bill ini. Ini ada kaitan dengan apa saya chakapkan tadi. Jadi saya menyokong juga Rang Undang² ini. Loan (Amendment) Bill ini, saya hendak menyentuh sedikit. Sekarang saya berbalek kepada Bill ini. Kita tahu Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor ada berchakap dan saya menyokong sa-ratus peratus daripada ucapan Yang Berhormat dari Ulu Selangor itu. Sekarang ini kita tahu berbanyak stock exchange company. Kalau kita pergi ka-Bangkok Bank sana bermacham²-lah dapat kita tengok. Oleh sebab itu saya bersetuju dengan hujah Yang Berhormat dari Ulu Selangor yang Kerajaan hendak-lah jaga betul² loan ini. Ini kita sokong penoh. Kita hendak-lah jaga mengenai manipulation price in the stock market, kadang² laporan-nya sungguh pun laporan tahunan itu di-tandatangani oleh Chartered Accountant mengenai sharikat² tersebut kita hendak-lah berhati² juga atas perkara itu.

Jadi saya bersetuju-lah apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor ia-itu kita mahu tahu-lah betul² share ini dan harga stok-nya yang sudah di-senaraikan dengan Kerajaan supaya Kerajaan mahu tengok ini tidak akan menyusahkan ra'ayat. Hari ini kalau kita beli share Sime Darby \$1 tiap² satu share, begitu juga ESSO, MSA semua-nya ta' menyusahkan kita kerana ia ta' boleh rugi. Oleh kerana ramai Ahli² Yang Berhormat hendak berchakap, saya fikir setakat itu sahaja-lah, Dato' Yang di-Pertua, Terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua saya adalah menyokong dengan sa-penoh²-nya Rang Undang² ini, tetapi chuma hendak memberi ingatan sahaja. Ingatan saya bagini: oleh kerana di-dalam Rang Undang² ini ada menyatakan ia-itu di-beri oleh Bank itu kepada Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad. Sharikat Permodalan atau pun yang di-katakan M.I.D.F.L. jikalau 100% di-punya² oleh Kerajaan, Kerajaan patut-lah menjamin atau membuat satu jaminan kepada hutang-nya, tetapi jikalau ad. sa-orang sa-bagai individual atau persaorangan yang ada saham di-dalam sharikat itu, saya perchaya tidak patut sekali Kerajaan terpaksa menjamin untuk mendapatkan pinjaman kepada Asian Development Bank, dengan sebab itu kita sa-bagai orang Malaysia berkehendakkan kemajuan² dalam negeri, kemajuan² seperti kita hendakkan kilang tumbuh macham chendawan; kita hendakkan pekerja² dapat bekerja dalam kilang² dan kemajuan² lebeh pesat lagi, tetapi kita tidak mahu ia-itu sakira-nya Kerajaan menjamin jikalau 100% ia-itu sharikat itu di-punya² oleh Kerajaan memang patut sangat Kerajaan membuat satu perjanjian atau pun sign satu agreement dengan Asian Development Bank ini. Tetapi jikalau tidak sa-kira-nya, maka saya harap Kerajaan terpaksa-lah berhati² di-atas perkara ini. Sa-kira-nya ada orang² persaorangan, atau pun sharikat² lain masuk dalam M.I.D.F.L. ini ada saham, maka saya harap sharikat² yang lain itu juga terpaksa menandatangani perjanjian² itu, jikalau tidak begitu mereka itu ta' terikat nanti apabila menjamin.

Yang Berhormat dari Ulu Selangor tadi berkata jikalau sa-kira-nya di-pinjamkan wang kepada Kuala Lumpur Hilton wang

daripada M.I.D.F.L. jikalau M.I.D.F.L. ter-tipu nanti jatuh bengkerap: atau pun di-pinjamkan kepada Hotel Merlin, jikalau Hotel Merlin jatuh bengkerap, atau pun kepada Federal Hotel jikalau Federal Hotel jatuh bengkerap, bagaimana keadaan-nya wang² yang telah kita pinjamkan daripada Asian Development Bank kemudian telah di-sokong atau pun di-tandatangani perjanjian oleh Kerajaan kita dengan Asian Development Bank tadi? Jadi dengan sebab itu saya berharap Kerajaan berhati² di-atas perkara ini supaya jangan di-kemudian hari kelak, kita berlawan sama² kita nanti. Sekian, terima kaseh.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan mengulas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, ia-itu beliau mengatakan kalau Kerajaan ada 100% modal dalam M.I.D.F.L. ini baharu-lah patut Kerajaan menjamin pinjaman daripada Asian Development Bank, kalau tidak, tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini suka-lah saya mengatakan bahawa M.I.D.F.L. ini ada-lah sa-buah sharikat yang di-dominate oleh wakil² Kerajaan di-dalam-nya ada-lah terlalu kuat bahkan Pengerusi Lembaga Pengarah-nya ia-lah Gabenor Bank Negara sendiri. Jadi soal M.I.D.F.L. ini tidak menjalankan kehendak Kerajaan dalam soal perusahaan memberikan pinjaman kepada perusahaan² ini ada-lah tipis sama sa-kali.

Yang Kedua-nya, Ahli Yang Berhormat itu menyatakan M.I.D.F.L. harus berhati² bila memberi pinjaman kepada sharikat². Perkara ini memang-lah telah di-jalankan sallah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim tadi, kalau saya ta' silap dia berchakap mula² atas Bill yang lain. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ta' ada apa-lah yang saya hendak jawab.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor berkata ia-itu Kerajaan harus-lah berhati² (extremely careful) dalam memberikan jaminan² kepada M.I.D.F.L. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh-lah memberi jaminan ya'ani, pehak Kerajaan sentiasa berhati² bahkan sa-belum pehak Kerajaan menyetujui akan memberikan jaminan ini ia-lah wakil² pehak Perbendaharaan mengkaji dengan sa-halus²-nya dan sa-telah di-timbangan dengan sa-masak²-nya, baharu-lah pehak

Kerajaan memberikan persetujuan untuk menjamin pinjaman daripada Asian Development Bank.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan capital structure and financing Kuala Lumpur Hilton ini saya ta' dapat-lah memberi keterangan dengan serta-merta kerana perkara ini di-timbolkan dengan serta-merta tetapi boleh-lah pehak Kerajaan membuat penerangan kepada masa yang akan datang kelak. Tentang shor Ahli Yang Berhormat itu supaya pehak Kerajaan memerhatikan dengan chermat akan manipulation berkenaan dengan stock and shares dalam negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan memang-lah sentiasa memerhatikan sa-barang salah-guna (abuse) di-dalam pasaran stock dan shares di-negeri ini. Jadi, pandangan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang-lah di-ambil perhatian oleh Kerajaan.

Tentang kajian atau pun feasibility studies bagi tiap² sharikat yang hendak meminjam duit MIDFL itu hendak-lah di-bentangkan di-dalam Dewan ini sa-belum di-berikan pinjaman, saya fikir perkara ini terlalu susah yang di-buat, sebab dalam banyak hal, ya'ani sharikat² atau kilang² yang hendak menjalankan ini apabila telah di-proses oleh pehak MIDFL dan apabila di-dapati projek-nya itu viable, ya'ani menguntungkan, maka terpaksa sa-beberapa lekas pinjaman itu kena-lah di-berikan, tetapi kalau hendak di-tunggu di-bentangkan di-dalam Dewan ini tiap² feasibility studies sa-belum hendak di-berikan pinjaman, saya fikir perkara ini sulit sangat hendak di-buat dan akan mengendalakan chepat-nya proses industrialisation di-dalam negeri ini pada hal kita semua tahu

Tan Sri Khaw Kai-Boh: (*Dengan izin*) On a point of clarification. I think the Deputy Minister has misunderstood me. I did not say that the feasibility survey must be before this House before the loan is approved. I think we all appreciate that the less delay the better it is for any project for which the Chairman deems fit to grant a loan. What I said in this House is that when we are asked to ratify, after the loan has already been approved and after the feasibility survey has already been approved as a good one, then in order for this House to know the background of it, and as I have said, also to be educated, we would like to be educated on

what basis it was granted so that we can explain to the constituents when we go back to the constituency because we hear all kind of rumours. So I just want to clarify here that we are not asking for the feasibility survey to be tabled here before the loan is approved. I think they have the power to approve the loan and the power to approve the feasibility survey and in fact by the time it reaches this House for ratification the feasibility survey is no longer a secret and no longer confidential because the company is well on its way. I think that perhaps clarifies.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, I think if that is the case, it will be considered. Sekarang saya pergi kepada point yang di-bahathkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka. Yang saya dapati daripada ucapan yang di-buat oleh beliau itu saikoloji-nya ia-lah politik D.A.P. yang hendak menentang politik Perikatan. Sebab-nya ia-lah beberapa kali Ahli Yang Berhormat itu menuduh bahawa jangan-lah pinjaman M.I.D.F.L. ini di-berikan untuk mengkayakan orang Perikatan dan beliau menyebut soal kilang di-Kluang, kalau saya ta' salah, Kilang M.T.I.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tujuan M.I.D.F.L. ini ia-lah memberikan pinjaman kepada kilang² atau kepada sharikat² yang hendak mendirikan kilang dengan pertimbangan bahawa projek itu ada-lah economically viable atau pun akan mendatangkan keuntungan. Jadi, soal sama ada sa-saorang itu orang Perikatan atau tidak atau orang D.A.P., tidak masok perhetongan. Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu menghendaki kalau sa-saorang itu dia ahli Perikatan, maka ia di-larang daripada mendapat pinjaman? Ada-kah ini maksud Ahli Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Kenapa M.T.I. di-beri kebenaran atau pinjaman di-beri bila M.T.I. tidak dapat kebenaran pelan. Itu tentu satu aspek M.I.D.F.L. akan timbangan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal pelan ini ada-lah soal Majlis Bandaran, Majlis Tempatan atau pun Kerajaan Tempatan dan sa-bagai-nya. M.I.D.F.L. memandang dari segi projek ini ada-kah economically viable atau tidak. Kalau viable—menguntungkan, maka pinjaman di-berikan dengan tidak mengira orang Perikatan atau

pun orang D.A.P. atau pun tidak. Jadi, dalam hal ini dari segi ekonomik-projek ini ada-lah viable sebab itu di-beri. Soal kilang ini mengotorkan ayer sungai atau sa-bagai-nya, ini ia-lah soal Majlis Bandaran, soal pehak berkuasa Kerajaan Tempatan dan bukan soal M.I.D.F.L. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu faham akan Perlembagaan Negeri ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, point sa-belum saya di-ganggu oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, Ahli Yang Berhormat ini sa-olah² mengatakan kalau sa-saorang itu ahli Perikatan, maka ia jangan di-berikan pinjaman atau pun kemudahan oleh pehak Kerajaan. Boleh-kah Ahli Yang Berhormat itu mengatakan ini boleh di-benarkan mengikut Perlembagaan? Can he be penalized if he belongs to the Alliance Party?

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan. As far as I know there is provision in our Constitution to deny a citizen of his right to get facilities from the Government merely because of the fact that he belongs to the Alliance Party. This, Mr Speaker, Sir, gives us a clear indication that the D.A.P. is not going to be a Constitutional political party given the power to rule this country.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kalau sa-saorang itu ahli Perikatan, ahli UMNO, ahli M.C.A., ahli M.I.C., jangan di-berikan sa-barang pinjaman daripada Kerajaan, sa-barang kemudahan, saya harap-lah Ahli daripada Parti D.A.P. patoh kepada undang², patoh kepada Perlembagaan yang ada di-dalam negeri ini. Dari segi ini M.I.D.F.L. memberikan pinjaman bergantung kepada projek itu, viable atau pun tidak, dengan tidak menimbang sama ada dia orang M.C.A. atau tidak. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat ini understand once and for all akan dasar memberikan pinjaman oleh M.I.D.F.L. atau pun lain² badan² Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Bangun.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: I am not giving way, Mr Speaker, Sir. Point yang ketiga, yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu ia-lah ini sa-bagai permulaan, kemudian Kerajaan

mungkin akan memberikan jaminan kepada sa-barang sharikat, jaminan kepada ADB atau Asian Development Bank. Tuan Yang di-Pertua, Asian Development Bank, sa-bagaimana bank² yang lain yang sehat, terutama sa-kali bank yang berchorak pembangunan di-dalam dunia, sama ada Asian Development Bank atau pun International Bank for Reconstruction and Development atau selalu di-panggil World Bank, tidak mudah memberikan pinjaman jika sa-kiranya syarat² tidak di-patohi oleh sa-sabuah negeri.

Jadi, kalau sa-kira-nya Kerajaan hendak meminjam dengan sa-chara tidak bertanggung-jawab akan sharikat² hendak meminjam daripada Asian Development Bank maka sudah tentu-lah Asian Development Bank tidak akan memberikan pinjaman. Jadi, yang di-buat oleh Asian Development Bank, yang dia bersetuju hendak memberikan pinjaman ia-lah M.I.D.F.L., dengan tujuan supaya M.I.D.F.L. meminjamkan wang ini untuk tujuan² perusahaan di-dalam Malaysia, sebab-nya ia-lah kita memang menggalakkan M.I.D.F.L. mendapatkan puncha kewangan sa-bahagian-nya daripada luar negeri kerana kita berkehendakkan M.I.D.F.L. supaya tidak-lah sa-mata² bergantung daripada puncha Kerajaan atas puncha kewangan.

Di-dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua, kita anggarkan perkembangan perusahaan negeri ini sa-makin pesat dan ada-lah di-anggap bahawa sumbar yang ada pada M.I.D.F.L., sa-bagaimana yang telah lalu, kita pandang tidak menchukupi untuk rancangan² perusahaan bagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Dan sebab itu-lah kita galakkan M.I.D.F.L. mendapatkan daripada puncha luar negeri dan pehak Asian Development Bank atau pun Bank Pembangunan Asia telah bersetuju dan dengan di-kenakan syarat² yang Kementerian Kewangan telah berpuas hati bahawa syarat² ini patut, adil dan dapat menjamin akan keselamatan wang ini dan oleh kerana itu Kementerian Kewangan sanggup memberikan jaminan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 4—

Tan Sri Khaw Kai-Boh: Tuan Pengerusi, saya bangun menchadangkan pindaan kapada Rang Undang² Jaminan Pinjaman, 1971 saperti berikut:

Yang pertama, Sekshen 2 (2), baris 5 dan 6. Potong perkataan² "sa-lepas berakhir tiap² satu tahun kewangan bermula dengan tahun kewangan dalam mana" dan gantikan dengan perkataan², "bermula daripada Persidangan Dewan Ra'ayat sa-baik² sahaja sa-lepas".

Yang kedua, Sekshen 2 (2), baris 11, masukkan di-antara perkataan "Ra'ayat" dengan perkataan, suatu perkataan yang berikut: "pada tiap² persidangan".

(*Dengan izin*) Sir, in English, the proposed amendments are as follows:

- (1) In Section 2 (2), lines 4 and 5, delete the words "after the end of each financial year beginning with that in which the" and substitute therefor the words "beginning with the sitting of the House of Representatives immediately after any such".
- (2) In Section 2 (2), line 8, insert between the word "Representatives" and the words "a statement" the following: "at each of its sittings".

Sir, the purpose of these proposed amendments, which I understand receive the support of the Government, is that instead of having to wait one year to come back to this House, we should be informed of any default or any guarantee that the Government has to face and therefore to pay, so that in the event that any remedial action has to be taken such action will be taken when this House debates on the matter and therefore instead of having to wait one whole year, we can take cognizance of the matter and therefore learn from our mistakes, and that is the whole intention of the proposed amendments.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya terima pindaan² itu.

Fasal 1 hingga 4 sa-bagaimana yang di-pinda, di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² CHUKAI PENDAPATAN (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa satu Rang Undang² bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Chukai Pendapatan, 1967" di-bacha bagi kali kedua-nya.

Rang Undang² ini bertujuan bagi meminda sekshen 6 dan 109, Akta Chukai Pendapatan, 1967 untuk melaksanakan chadangan yang di-umumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan-nya tahun 1972 yang lepas bagi mengurangkan kadar chukai atas faedah yang di-bayar kapada sa-orang 'non-resident' daripada 40% kapada 15%. Sa-bagaimana yang diterangkan dalam ucapan itu pengurangan ini di-beri hanya di-atas faedah yang diperolehi dari Malaysia daripada wang pinjaman atau hutang yang di-luluskan oleh Perbendaharaan untuk tujuan pembangunan mulai daripada 1hb Januari, 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tan Sri Khaw Kai-Boh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² CHUKAI PERJUDIAN

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa satu Rang Undang² bernama "Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk mengenakan chukai perjudian dan perkara² lain yang bersangkutan dengan-nya" di-bacha pada kali kedua.

Sekarang ini, perjudian yang melibatkan penggunaan tiket², kopon² atau reset² seperti loteri, ramalan tiga dan empat ekor, lumba kuda dan judilumba ada-lah terta'alok di-bawah beberapa perundangan. Ini termasuk Ordinan Duti Pertarohan dan Ambiltangan, 1948, Ordinan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masharakat dan Kebajikan, 1950, Ordinan Loteri, 1952, Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator), 1961 (P.T.M. No. 10 tahun 1961) dan Akta Pertarohan Pool, 1967. Bagi Sabah dan Sarawak perjudian terta'alok di-bawah Ordinan Duti Pertarohan dan Ambiltangan (Sabah Bab 13) dan Ordinan Perjudian, Sarawak (Bab 138). Di-bawah semua undang² ini melainkan Akta Pertarohan Pool, 1967, duti² telah di-tetapkan pada kadar² yang tertentu dan di-bayar oleh penganjor perjudian tersebut. Oleh itu perubahan² dalam kadar² duti hanya boleh di-buat dengan meminda undang² yang berkenaan. Berkenaan dengan Akta Pertarohan Pool, kuasa untuk menetapkan kadar² terletak kepada Yang di-Pertuan Agong.

Untuk melaksanakan chukai judi baru sebanyak 5% atas beberapa jenis perjudian yang tertentu yang telah di-umumkan dalam ucapan Belanjawan tahun 1972, ada-lah perlu di-hapuskan duti yang sa-tinggi²-nya yang ada sekarang yang kena di-bayar oleh penganjor² perjudian dan mengadakan satu peruntukan bagi membolehkan Menteri Kewangan mengenakan duti pada kadar² yang di-tetapkan melalui satu perintah yang di-terbitkan dalam *Warta Kerajaan*. Rang Undang² yang sekarang ada di-hadapan Majlis ini ia-lah bertujuan untuk mengadakan peruntukan dalam Fasal 2 bagi mengenakan suatu chukai perjudian dengan tiap² satu pertarohan atau pelaburan yang di-buat oleh sa-siapa jua yang berserta dalam mana² perjudian yang di-benarkan di-bawah mana² undang². Chukai perjudian tersebut akan di-pungut oleh penganjor perjudian daripada orang yang membuat pertarohan atau

pelaburan itu dan akan di-bayar ka-dalam hasil Persekutuan. Fasal-kecil (3) memper-untukkan Menteri Kewangan kuasa bagi membuat peratoran untuk menjalan dan melaksanakan maksud² Fasal ini.

Peruntukan² lain dalam Fasal 3, Rang Undang² itu di-buat untuk meminda beberapa undang² yang sedia ada berhubung dengan perjudian, bagi maksud (a) meletakkan hak kuasa² yang hingga kini di-jalankan oleh Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri Kewangan mengenai Akta Pertarohan Pool, 1967 dan undang² Sabah dan Sarawak dan (b) membuat pindaan² tertentu kepada undang² Sabah dan Sarawak supaya undang² itu selaras dengan undang² di-Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berchakap dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan sedar di-bawah ugama Islam perjudian tidak halal, tetapi oleh sebab Kerajaan mengakui tidak boleh menghapuskan perjudian di-negara kita, maka perjudian di-halalkan di-negara kita. Saya mahu bertanya kepada Kerajaan Perikatan jika Kerajaan tidak boleh menghapuskan pelachoran di-negara kita, bolehkah Kerajaan Perikatan menghalalkan pelachoran di-negara kita juga, oleh sebab kita sedar seperti di-katakan dalam Inggeris: This is the oldest profession in the world. Maka jika mengikut

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mendapat pandangan Ahli Yang Berhormat tentang pelachoran, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu memikirkan patut di-halalkan atau tidak sa-belum dia bertanya kepada Kerajaan.

Dr Tan Chee Khoon: Saya tidak bersetuju—sa-bagai sa-orang Christian saya tidak bersetuju dengan perjudian dan bagitu juga saya tidak bersetuju dengan pelachoran di-mana² juga pun.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang Kerajaan telah membawa Rang Undang² ini untuk memberi enabling Act kepada chadangan

yang di-buat oleh Menteri Kewangan apabila beliau berchakap berkenaan dengan Rang Undang² Anggaran Belanjawan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan sekarang ingin hendak menchukaikan 5%. Saya di-dalam perbahathan itu, saya telah menchadangkan bukan 5%, mengapa Kerajaan Perikatan tidak menaikkan chukai ini kepada 20%.

(Dengan izin) The Minister in his speech stated that this 5% tax will raise \$10.5 million. I have stated in my speech during the debate on the Supply Bill that if this gaming tax were raised from 5% to 20%, then we can get not just \$10.5 million but, perhaps, we can get \$42 million.

Now, Mr Speaker, Sir, I confess that I do not patronise the Empat Nombor Ekor or the Turf Clubs, but none other than Dato' Clough Thuraingham has stated, "Well, you know, this 5%, the punters will take it in their usual sporting spirit". I dare say that if the Government were to increase the tax from 5% to 20%, those who want to have a flutter, whether it be at the Turf Club or at the Empat Ekor and the like, they will also take it in their usual sporting spirit and thereby the Government will get not just \$10.5 million but \$42 million and, perhaps, we hope it would mercifully reduce the indirect taxation that it has heaped on the people of this country.

Mr Speaker, Sir, I have with me here the Expenditure Budget of the Federal Government for 1972 and it makes rather interesting reading. During the last four years there has been a substantial increase in the work connected with legalised gaming and lotteries. The establishment of the Genting Highlands Casino and the proposed opening of other gaming houses has necessitated the establishment of operating standards and licensing terms of these firms. The work load in respect of lotteries has gone up considerably, reflecting the annual increase in the patronage of this form of betting. This is substantiated by the following schedule of Government revenues from these sources. I quote:

"Social Welfare Lottery:

revenue actual 1969, \$11.2 million;

1970 actual revenue \$10.6 million;

estimated revenue 1971, \$11 million;

estimated revenue 1972, \$11.7 million."

Mr Speaker, Sir, from Empat Ekor,

"Actual revenue 1969, \$7.9 million;

actual revenue 1970, \$21.3 million;

estimated revenue 1971, \$26 million; and

estimated revenue 1972, \$28 million."

Mr Speaker, Sir, if the Government finds that Empat Ekor and all other forms of gambling have not gone down, if Empat Ekor is so profitable, that it has in four years quadrupled its revenue to the Government, and perhaps more than quadrupled its revenue to its shareholders, why does not the Government take it over? Instead of just allowing a public company like this which, in order to cover these facts, gives Lady Templer Hospital \$5,000, this or that temple \$2,000 and so on to show that it is doing welfare work for the country, I say that the Government should take it over since obviously it is such a profitable thing judging from the revenue that accrues to the Government.

Mr Speaker, Sir, I don't gamble on Empat Ekor. But friends of mine who have gambled tell me: Doctor, you know, one of the things they do or they can do very easily is this: on a race day you think such and such a horse is coming up and there are only 200 tickets, quietly you slip in, the company through the agents or the company itself slips in 2,000 tickets. What happens? You dilute the profits to those who buy whatever tickets. I do not say this is downright cheating but obviously this is a practice that is very sharp, and I say if the Government takes it over then such practice will not, I hope, prevail. Mr Speaker, Sir, the Government in its search for revenue has increased the scope of gambling throughout this country. I say that it hits the poor very badly. Already, many people in this House have stated that the poor man in the hope of trying to get a windfall from Empat Ekor or from the Turf Club or from the three-digits and the like, and even the Social Welfare Lottery, is being tempted to spend much needed money from the family budget on this form of gambling. I say the Government must make up its mind. If it wants to legalise gambling, then I say it must go the whole hog and take over legalised gambling, in particular the Empat Ekor, so that the whole revenue from the proceeds of this form of gambling will accrue to the Government and not to the private sector. Thank you.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, suka saya berchakap ketika membahathkan Akta Chukai Perjudian ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Akta ini maka satu chara bagi pehak Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menchari wang dalam negeri ini dengan mengenakan tambahan chukai terhadap judi yang ada dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, chara yang di-buat oleh Kerajaan dengan mengadakan judi, dengan mengenakan chukai ka-dalam negeri ini ada-lah chara yang kurang baik mengikut pandangan saya bagi pehak Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara judi ini sa-bagaimana yang telah diketahui bahawa sa-sungguh-nya ini ada-lah satu perkara yang tidak baik, satu perkara yang di-larang oleh Tuhan dan menggalakkan orang ramai melakukan perjudian adalah satu perkara yang tidak baik dan dimurkai oleh Tuhan. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan mengenakan chukai ka-atas judi dan judi² yang haram iitu di-jadikan judi yang halal dengan mengenakan chukai² yang tertentu sama ada jumlah p² utama atau chukai tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak chara yang di-buat ini ada-lah satu chara yang tidak menyenangkan ugama Islam dalam negeri ini. Kerana sa-bagaimana yang kita tahu bahawa sa-baik²-nya bagi Kerajaan yang konon-nya mengakui bahawa ugama Islam menjadi ugama rasmi judi tidak perlu di-galakkan, judi tidak perlu ada dalam negara ini. Jika kalau tidak mahu di-katakan bahawa Kerajaan memesong, menyeleweng perjalanan Islam dalam negeri ini, maka saya fikir lebih baik Kerajaan tidak mengadakan judi dalam negeri ini. Dan tidak mengadakan judi bukan berarti tidak mengadakan judi yang haram bahkan mengadakan judi yang halal melainkan langsung tidak ada judi yang haram, tidak ada judi yang halal bahkan apa yang di-sebutkan judi ada-lah haram semua-nya.

Tuan Yang di-Pertua dengan ada-nya chara yang saperti ini mendatangkan rosak pemikiran umat Islam dalam negeri ini kerana ada orang² yang kurang pengetahuan dalam bidang ugama mengatakan judi ini haram dan judi ini halal, sedangkan perkara ini semua-nya haram, wal hal, Tuan Yang di-Pertua, sa-baik² Kerajaan mesti memberi

tahu bahawa walau apa² judi mesti-lah haram, masaalah mereka hendak buat, tidak buat—itu soal lain. Saya fikir bukan di-dalam ugama Islam sahaja mengatakan judi ini haram tetapi ugama² lain pun serupa juga pendapat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu mengadakan judi yang banyak dalam negara ini, mithal-nya mengadakan judi nombor ekor, di-adakan loteri, di-adakan berbagai² judi yang lain, ada-lah merosakkan fikiran umat dalam negeri ini. Dari sudut mereka sedang berangan² untuk hendak membuat rumah batu dan mereka sedang berangan² untuk mendapat satu pengurniaan yang besar sa-telah mereka ambil nombor ekor, sa-telah mereka mengambil loteri dan mereka hayal dengan keadaan bagitu sa-hingga keputusan dapat di-buat, di-ambil ketika mana chabutan loteri atau pun nombor ekor itu di-buka dan akhir mereka pun kechewa. Lebih² lagi sa-telah mempunyai banyak angan², Tuan Yang di-Pertua, mereka pun menjadi sa-akan² gila pergi ka-batu² yang ada di-dalam hutan dan pergi dekat pokok² kayu yang besar dan pergi dekat bomoh², pergi dekat kubor² keramat untuk menchari nombor ekor kerana untuk mendapat hadiah yang banyak. Jadi ini semua merosakkan fikiran umat Islam. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-bagaimana yang kita tahu bahawa Kerajaan takut ada-nya salah guna ugama ada dalam negeri ini maka saya harap Kerajaan sendiri pun jangan menyalahgunakan fikiran ugama terhadap ra'ayat dan ugama Islam dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pehak Yang Berhormat Menteri Kewangan harus memikirkan sa-mula pada masa yang akan datang supaya tidak membuat satu Rang Undang², tidak membuat satu Undang² yang boleh memesongkan akidah ugama Islam. Jika mereka buat juga sa-bagaimana yang ada sekarang maka saya shorkan kapada pehak Kerajaan supaya memberi tahu ra'ayat bahawa sa-sungguh-nya Kerajaan kita bukan Kerajaan yang menjadikan Islam Ugama Rasmi sebab kita ada-lah sa-buah Kerajaan yang berchampur mengadakan judi dan mengadakan maksiat, casino dan sa-bagai-nya bagaimana yang kita amal, bagaimana yang kita buat sekarang ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Maksud Rang Undang² ini, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah mengenakan chukai perjudian. Sa-belum daripada saya mengambil bahagian dalam perbahathan ini gemar saya menarek perhatian dua Ahli Yang Berhormat daripada PEKEMAS dan juga Parti Islam sa-Tanah Melayu bahawa Rang Undang² ini di-kemukakan bukan bagi kacha mata Islam, Rang Undang² ini di-bawa bagi kacha mata negara, kacha mata manusia, jadi semua ugama judi ada-lah haram. Kita tidak usahkan, soalkan, jangan persoalkan judi itu haram, halal dalam semua ugama termasuk Islam—judi itu haram. Sekarang yang kita hendak mempersoalkan kehendak manusia sudah menjadi kehendak manusia, Tuan Yang di-Pertua, dari sa-mula jadi manusia ini memang suka main judi. Macham² kaedah judi dari sejak awal sampai-lah manusia yang ada dalam Malaysia ini suka main judi. Dengan keadaan mereka suka main judi ini, maka pehak Kerajaan mengawal perjudian ini supaya tidak mendatangkan mudarat kepada manusia dan juga tidak mendatangkan mudarat kepada negara ini. Kalau kiranya tidak di-kawal oleh Kerajaan akan kehendak manusia yang suka main judi ini macham² akibat akan terjadi. Jadi dengan lahir-nya kesukaan manusia suka main judi sama ada judi besar atau judi kecil ini, Kerajaan pula dapat mengutip chukai perjudian ini dapat pula menambah perbendaharaan negara dan wang perbendaharaan negara ini dapat di-gunakan oleh ra'ayat negeri ini termasuk-lah membayar elaun Ahli Yang Berhormat dari Batu dan Ahli Yang Berhormat daripada PAS.

Dr Tan Chee Khoo: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya dari Muar Utara menyatakan perjudian di-negara kita boleh berfaedah dan membawa hasil kepada Kerajaan, dan oleh sebab ada beberapa orang hendak bermain judi, maka beliau dan Kerajaan hendak menghalalkan perjudian di-negara kita. Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, jika beramai² anggota UMNO hendak bermain atau melawat pelachor, boleh-kah beliau atau Kerajaan Perikatan menghalalkan pelachoran di-negara kita?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ahli Yang Berhormat itu sa-orang yang bijak pandai. Masaalah yang kita hadapi sekarang bukan masaalah pelachor, masaalah perjudian. Masaalah pelachor itu masaalah lain. Bahawa semua di-katakan pelachoran itu memang tidak di-suka oleh semua ugama. Tak tahu-lah Ahli Yang Berhormat dengan sebab pelachoran-lah Ahli Yang Berhormat ini dapat untong, Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri ini. Dengan sebab pelachoran dia untong, dan dengan sebab itu-lah dia menjolok² Kerajaan supaya menghalalkan pelachoran, di-pelihara pelachoran. Ahli Yang Berhormat ini memang untong dari pelachoran dan pelachoran yang banyak pula daripada negeri Ahli² Yang Berhormat daripada PAS. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa chukop-lah masaalah pelachoran ini. Jadi maksud Ahli Yang Berhormat dari Batu menjolok² Kerajaan supaya menghalalkan pelachoran itu, ada-lah kepentingan dia, keuntongan dia yang dia telah rasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sebab saya katakan tadi bahawa Kerajaan Perikatan berusaha dengan sedaya upaya mengawal berleluasa-nya judi yang boleh merosakkan ekonomi ra'ayat, yang boleh merosakkan keamanan negara. Jadi dengan sebab itu diadakan undang². Ini hendak manusia, Tuan Yang di-Pertua, memang kehendak manusia suka berjudi, sudah jadi tabii, saya katakan. Kemudian daripada ini, saya fikir Kerajaan sangat sesuai-lah mengenakan chukai perjudian ini.

Ada satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak katakan dalam masaalah perjudian ini Kerajaan patut-lah memikirkan bahawa permainan judi mahjong ini patut Kerajaan kita mengenakan chukai perjudian ini, sebab ini memang kesukaan manusia boleh di-katakan 20% atau 30% semua kedai kopi dalam Malaysia ini ada main mahjong. Ini kesukaan manusia. Jadi keuntongan mahjong ini di-perolehi oleh orang itu. Jadi, kalau Kerajaan ada kena chukai adakan peratoran, Kerajaan juga dapat hasil. Kerajaan dapat menambahkan hasil negara yang boleh memberi faedah untuk pembangunan ra'ayat dalam negeri ini. Ini saya tidak soalkan masaalah judi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya soalkan ia-lah masaalah menjadi hasil negara ini, bukan

sahaja yang saya kata masalah main mahjong itu telah jadi sejak zaman berzaman. Dahulu orang² Tionghua suka bermain mahjong; sekarang orang Melayu pun disebut main rumah batu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi masalah ini, kalau Kerajaan mengutip chukai daripada permainan judi mahjong ini, akan dapat menambahkan perbendaharaan negara.

Berchakap saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Loteri Kebajikan Masyarakat, saya juga minta Kerajaan supaya memikirkan sa-mula di-kenakan chukai 5% kepada pemenang² tiket yang membeli Loteri Kebajikan Masyarakat. Kalau umpama-nya dia menang \$100 dia kena chukai perjudian \$5. Mereka rela, Tuan Yang di-Pertua, sebab dia menang \$100 dia beri \$5 kepada Kerajaan menambahkan perbendaharaan, begitu juga pemenang yang besar, jadi saya harap Kerajaan memikirkan sa-mula segala tiket² yang menang dari Loteri Kebajikan Masyarakat ini kita kenakan chukai pada Kerajaan perjudian 5% dan saya mengharapkan kepada Kerajaan dan juga Kementerian supaya memerhatikan tiket² Loteri Kebajikan Masyarakat ini jangan ada tiket kepalsuan, sebab itu telah banyak di-salah-gunakan oleh manusia² yang hendak menchari keuntongan. Orang ramai beli tiket ini, bila di-dapati tiket itu, tiket palsu bukan sahaja dia tidak berjaya dengan hadiah kemenangan, Tuan Yang di-Pertua, kadang² orang kampung ini dia kena juga tindakan ka-Mahkamah. Jadi, saya harap dalam masalah ini patut-lah Kerajaan berikan timbangan. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): Tuan Speaker, saya minta izin berchakap dalam Bahasa Inggeris. Saya menyokong Bill ini tetapi malang-nya chukai itu 5% saya ingat sangat rendah.

(Dengan izin), Sir, I support the Bill not because I would like the Government to raise revenue from gambling, but I support it in the hope that members of the public may be discouraged from gambling. In fact, I would suggest to the Government that the tax be raised from 5% to say 30% or 50%.

Sir, the Finance Minister admitted a few days ago that he was aware of the social and economic repercussions that gambling had

on the country and the Minister for Trade and Industry said a few days ago that personally he was against gambling. But just now, a few moments ago, we heard an Honourable Member from the other side say that he was in favour of gambling because it was good for the people. Sir, these conflicting stands of various Members of Parliament from the other side are indeed sad and I just cannot follow what they are trying to drive at.

Sir, it is generally accepted that gambling is a social evil. In Malaysia one form of gambling after another has been introduced to the Malaysian public. We have got various forms of gambling—racing, casinos, 3-digits, 4-digits and perhaps in a year or two even 5-digits. Sir, hundreds of homes have been broken because of gambling. Formerly gambling was not so widespread; it was confined to a group of rich, a group who could afford to gamble. Now gambling has permeated through the society. It has gone down to the poorest people, to the people living in villages and the people living in kampongs. Worst still, Sir, school children have been seen indulging in 3-digits and 4-digits gambling. Sir, we are a young nation, a young developing country and we cannot afford such luxuries. Indeed, gambling is not a luxury in our country at the moment; it has become a way of life because of the Government's encouragement, because of the Government's stupidity in trying to get more revenue out of a dishonest source. Sir, the moral attitude of the people is slowly but surely being eroded, people who lose on gambling usually turn to crimes. There is no other way out but to commit robbery or thefts just to try to make up what they have lost. Homes are broken and children suffer.

Sir, we are a young nation and we need hardworking people but with the present form of widespread gambling going on in the country we are breaking the creative will of the people the will to live honourably, the will to work hard and the will to build a nation. Sir, I hope the Government will seriously consider abolishing all forms of gambling in our country and indeed the Rukunegara says that all of us must believe in God and all of us must live a good moral life, but we have people in the country now who have lost faith in God because they have lost money. They pray to God for good numbers but

because they lose money on 3-digits and 4-digits, they now turn to devils for help—they go to cemeteries, they go perhaps to seaside and pray to devils and this is a serious matter and we do have such people in our country. These people are made to behave in such a way not out of their own doing but because of Government's encouragement and that I think is a dishonest way of doing things. The Government ought to find more revenue from other honourable sources. There are plenty of ways, plenty of means to raise revenue and certainly raising revenue from gambling sources is dishonest and uncalled for. Sir, I would ask the Government to raise the 5% tax to say, 30% or 50% because every year the revenue derived, particularly from 4-digits, is enormous. In 1969 the Government got about \$8 million; in 1970 the Government got \$21.3 million; in 1971 they got \$26 million; and for 1972 the estimated revenue is about \$28 million. Even from these figures the Government should be aware that more and more people are indulging in gambling. Sir, I urge the Government to set up a committee of enquiry to enquire into the repercussions that gambling has on our society. Before I sit down, I would like to advise the Government—do not gamble the nation away. Thank you, Sir.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara perjudian ini tadi, saya kalau ta' salah sa-sakali ingat terasa saya dalam gereja dengan khutbah paderi daripada Batu, sa-sakali imbas saya terasa dalam masjid dengan khutbah Ahli Yang Berhormat dari Dungun. Tuan Yang di-Pertua, dan sa-kali sa-kala saya pula terdengar sa-olah²—saya pun ta' tahu tetapi dengar khutbah daripada Batu Gajah, jauh bunyi-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan perkara perjudian, saya suka-lah membuat penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali ia-lah dasar Kerajaan mengenai judi. Kerajaan tidak sama sa-kali menggalakkan judi dan Kerajaan tidak sama sa-kali menghalalkan judi dalam erti kata ugama Islam. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi ada mengatakan bahawa Kerajaan menghalalkan judi. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu tadi mengaitkan ini dari segi hukum Islam, kalau benar-lah demikian, maka saya suka-lah menafikan.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengatakan Kerajaan menghalalkan judi. Kerajaan tidak-lah menghalalkan judi, dari segi hukum Islam judi ada-lah haram dan tetap haram. Apa yang Kerajaan buat ia-lah bagini: Kerajaan chuba menghapuskan judi dan judi sa-bagaimana juga pelachoran: "one of the oldest profession in the world, one of the oldest games in the world" payah hendak di-hapuskan dan ta' dapat hendak di-hapuskan. Jadi, dalam hal perjudian oleh kerana Kerajaan tidak dapat menghapuskan, Kerajaan mengkontrol dan mengatorkan "to control and regulate, kalau di-biarkan begitu sahaja, judi berlaku juga, hendak di-hapuskan payah sangat dapat di-hapuskan, di-biarkan judi berlaku juga. Jadi, oleh kerana perjudian ini tidak dapat di-hapuskan sama sa-kali, lebih baik-lah Kerajaan regulate and control, ya'ani atorkan dan kontrol soal perjudian ini. Soal halal haram dari segi Islam atau dari segi Kristian itu tidak di-persoalkan oleh Kerajaan, itu mengikut-lah dalam ugama masing² dan saya perchaya kebanyakan ugama di-dalam dunia ini tidak ada ugama yang menghalalkan judi. Jadi, ta' payah-lah di-timbul²kan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu dan terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Dungun menimbulkan soal Kerajaan menghalalkan judi. Jadi, pada pandangan Kerajaan, oleh kerana kalau judi ini di-biarkan begitu sahaja di-bawah tanah, Kerajaan tidak mendapat apa² faedah, hendak di-hapuskan pun ta' dapat, hendak di-biarkan begitu sahaja di-bawah tanah, ya'ani sa-chara tidak di-regulate dan di-kontrol oleh Kerajaan, Kerajaan tidak mendapat hasil, oleh kerana itu-lah Kerajaan mengadakan Undang², ya'ani membenarkan di-adakan berjalan judi² tertentu. Dengan demikian, bila Kerajaan membenarkan mengadakan Undang², mengadakan peratoran², maka Kerajaan ambil chukai daripada-nya. Daripada perkara judi yang tidak langsung mendapat faedah kapada negara dan kapada masharakat, Kerajaan berharap dan Kerajaan telah pun mendapat hasil, ya'ani Kerajaan mendapat hasil chukai daripada judi² yang telah di-benarkan, yang telah di-ator dan yang telah di-regulatekan atau di-kontrol oleh Kerajaan. Ini sahaja yang di-buat oleh Kerajaan. Kerajaan tidak menggalakkan judi dan Kerajaan tidak menghalalkan apa yang haram dalam hal judi ini. Jadi, saya

berharap Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Dungun dan Batu Gajah faham akan kedudukan ini.

Soal yang kedua, ia-itu yang di-sebutkan oleh dua orang Ahli² Yang Berhormat, ia-ini chukai perjudian 5% ini hendak-lah di-naikkan. Jadi, dalam hal judi, tadi saya telah katakan kalau chukai ini, kalau kita haramkan sama sa-kali dia berjalan di-bawah tanah, ia-ini sa-chara haram, underground. Dan kalau kita kenakan juga chukai yang di-anggarkan terlalu tinggi kita bimbang ini akan menggalakkan orang menjalankan dan mengambil bahagian di-dalam judi² yang di-luar kawalan Kerajaan, ia-ini judi bawah tanah atau sa-bagai-nya. Jadi, dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Batu itu faham sedikit akan Economic Law, ia-ini The Law of Diminishing Return. Kalau terlalu tinggi chukai-nya kita kenakan orang yang berjudi dengan yang di-tentukan oleh Kerajaan ini akan kurang dan dengan demikian hasil yang Kerajaan dapat akan kurang, tetapi yang haram ini akan bertambah, yang di-bawah tanah ini akan bertambah.

Jadi, dalam masa menaikkan chukai ini Kerajaan menimbangkan akan prinsip The Law of Diminishing Return, daripada segi revenue, ia-ini dari segi hasil dan juga dari segi akibat-nya, ia-ini akibat yang kita tidak mahu, yang dengan terlalu tinggi-nya chukai perjudian ini akan menggalakkan orang pergi kepada judi² yang di-luar kawalan, di-luar control, di-luar regulation Kerajaan, tetapi walau bagaimana pun perkara chukai ini pehak Kerajaan tidak-lah menutup mata sama sa-kali, ia-ini tidak mahu menimbangkan pada masa yang akan datang. Jika sampai masa-nya pehak Kerajaan akan menimbangkan soal menurunkan atau menaikkan chukai ini ada-lah perkara biasa bagi Kementerian Kewangan dari sa-tahun ka-satahun, menimbangkan, tetapi kita menetapkan 5% dan tidak 20% kerana kita mengambil ingatan akan Economic Law ia-ini, The Law of Diminishing Return. Saya berharap-lah Ahli Yang Berhormat dari Batu itu faham-lah sebab-nya mengapa kita tidak tetapkan kepada 20%.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengatakan mengutip chukai judi itu tidak baik, judi itu tidak perlu dan tidak perlu di-galakkan. Pada sa-bahagian-nya saya

telah jawab. Jadi, Kerajaan tidak-lah mengatakan chukai judi itu chukai yang baik, bahkan chukai yang lain² pun ada juga yang di-anggap daripada Ugama Islam boleh jadi tidak baik. Kerajaan Kelantan sendiri pun mengambil chukai babi, chukai pajak gadai. Itu lagikan Kerajaan yang di-tadbirkan 100% oleh Parti Islam Sa-Tanah Melayu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara baik tidak baik ini ada-lah suatu perkara yang lain, tetapi suatu perkara yang dharurat, mithal-nya soal ini tidak dapat kita elakkan, keadaan dharurat. Apa hendak buat dan saya kalau tidak silap, saya bukan-lah Ahli PAS dan tidak mengaku ulama dalam PAS, perkara yang dharurat, bahkan kalau saya tidak silap daging babi sa-kali pun kalau kita terdampar di-padang pasir tidak ada satu makanan sa-kali pun, tidak ada satu minuman, hanya yang ada daging babi, daging babi itu harus kita makan kerana mengelakkan daripada mati kebuloran, ia-ini dharurat.

Jadi, hal judi ini kita hendak hapuskan pun tidak dapat. Chukai babi Kerajaan PAS Kelantan hendak hapuskan, tidak mahu terima pun tidak boleh. Hendak ta' hendak, terima juga. Saya perchaya lojik Kerajaan PAS Kelantan begitu juga—dharurat. Jadi, kenapa pula bila judi Kerajaan Pusat ini, wakil PAS bising, bila kena Kerajaan Kelantan dia tidak berbunyi (*Ketawa*). Saya pun hairan, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan baik tidak baik-nya. Jadi, itu-lah yang saya katakan tadi, sa-olah² saya macham mendengar khutbah yang jauh daripada Pa' Imam daripada Dungun, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu-lah sahaja perkara² besar yang perlu saya jawab.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak sentoh sedikit tentang Fasal 3. Tadi Timbalan Menteri Kewangan mengatakan saya tidak faham *The Law of Diminishing Return*. Beliau menyatakan jika Kerajaan Pusat menaikkan cukai ini dari 5% kepada 20% maka kami boleh dapat cukai yang kurang daripada perjudian dan perjudian boleh dibuat underground.

Tuan Pengerusi, tadi saya telah baca, di-dalam empat tahun hasil daripada perjudian Empat Ekor sahaja yang telah naik daripada \$7,000,000 kepada \$28,000,000 pada tahun ini agak-nya. Ada-ka Timbalan Menteri Kewangan sedar, barangkali tahun ini dan tahun yang akan datang cukai daripada Empat Ekor sahaja boleh di-naikkan lagi dan jika di-naikkan maka *The Law of Diminishing Return* tidak berlaku. Ahli² Yang Berhormat dari Parti Perikatan mempunyai kereta besar, semua pergi ka-Genting Highlands, atau pergi ka-Turf Club, ma'ana-nya kalau cukai ini di-naikkan daripada 5% kepada 20% maka mereka pergi juga. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya tidak pergi.

Dr Tan Chee Khoon: Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara itu sa-benar-nya sa-orang ra'ayat jelata, barangkali rakan² beliau bukan ra'ayat jelata. Rakan² beliau tinggal di-rumah² yang berhawa dingin, berkereta besar—Mercedes 280. Beliau barangkali mempunyai kereta Toyota Corolla (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, what I mean to say is this

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Untuk penjelasan. Saya hendak tahu daripada Ahli Yang Berhormat rakan sa-jawat saya, apakah ta'arif ra'ayat jelata itu?

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi ta' payah-lah saya menjawab soalan ini. Saya hendak bersoal jawab dengan Timbalan Menteri Kewangan, bukan dengan sahabat saya daripada Muar Utara. (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, what I am saying is if the revenue can quadruple in four years,

I venture to predict that it will only increase in the years to come and therefore if you increase the tax from 5% to 20%, by the Law of Diminishing Return the point has not been reached; and if there is any increase, it will not be counter productive.

Tuan Loh Jee Mee: Bangun.

Tuan Pengerusi: No more!

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² CHUKAI JUALAN

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa satu Rang Undang² bernama "Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi mengenakan, melewi dan memungut cukai jualan" di-bacha bagi kali kedua.

Dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan pada 6hb Januari, 1972, beliau telah mengumumkan bahawa cukai jualan sa-perangkat akan di-kenakan dan undang² baharu di-buat bagi melaksanakan cukai itu. Tujuan Rang Undang² yang ada di-hadapan Majlis ini ia-lah untuk membuat peruntukan bagi mengenakan, memungut, menuntut dan mentadbirkan cukai tersebut.

Fasal 6 Rang Undang² menguntokkan supaya cukai jualan di-kena dan di-lewi atas semua barang yang di-impot atau di-buat di-Malaysia pada kadar² yang di-tetapkan dari sa-masa ka-samasa melalui satu perintah yang di-keluarkan oleh Menteri Kewangan di-bawah Fasal 15 Rang Undang² tersebut. Oleh kerana ada barang² atau kumpulan barang² yang tidak di-ingini di-kenakan cukai jualan, satu peruntukan di-adakan dalam sekshen 8 di-mana Menteri Kewangan boleh mengechualikan barang² atau

kumpulan barang² itu daripada bayaran chukai jualan. Satu peruntukan juga diadakan dalam seksyen 10 untuk membolehkan Menteri Kewangan mengecualikan sa-siapa daripada bayaran kasemua atau sa-bahagian daripada chukai jualan yang kena bayar oleh orang itu atau mengarahkan supaya di-pulangkan balek sebarang chukai jualan yang telah di-bayar oleh orang itu. Bagi mengelakkan chukai dua kali atau chukai berlipat kali atas barang² berchukai yang sama bagi kegunaan pengilangan, satu peruntukan di-adakan dalam seksyen 9 dimana sebarang pengilang berlesen boleh mendapatkan barang² berchukai daripada sa-saorang pengilang berlesen yang lain dengan bebas daripada chukai seperti yang boleh di-luluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.

Chukai jualan yang kena bayar di-kira atas nilai barang² dengan chara yang tersebut dalam Fasal 7 Rang Undang² itu. Bagi barang² impot, nilai jualan ia-lah jumlah nilai barang² itu yang di-gunakan untuk pengiraan chukai² kastam dan jumlah chukai kastam yang kena bayar atas barang² itu. Bagi bara g² buatan tempatan, nilai jualan-nya ia-lah harga yang di-tetapkan atas barang² yang di-jual kepada sa-saorang yang tidak ada kaitan dengan si-penjual dalam urusan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, chukai ini akan di-kutip dan di-tadbirkan oleh pegawai² Kastam di-bawah Akta Kastam, 1967 yang akan juga, untuk tujuan undang² chukai jualan yang di-chadangkan itu menjadi pegawai kanan chukai jualan dan pegawai² chukai jualan. Fasal 2 dalam Bahagian I dan Fasal² 3, 4 dan 5 ada-lah mengenai perkara² yang di-sebutkan tadi.

Fasal 12 menguntokkan bahawa chukai jualan hendak-lah di-bayar oleh orang yang kena chukai, ia-itu sa-saorang yang di-kehendaki mengambil lesen—saya akan terangkan perkara ini kelak—dan sa-siapa yang menjalankan urusan dalam Malaysia, sama ada untuk mendapat keuntungan atau sa-lain-nya berkenaan dengan barang² berchukai itu. Chukai jualan hendak-lah juga di-bayar oleh sa-siapa yang mengimpot barang² berchukai sama ada orang itu orang kena chukai atau tidak.

Fasal 13 ia-lah berkenaan dengan lesen. Di-bawah peruntukan ini semua orang² yang membuat barang² yang berchukai di-kehendaki mengambil lesen. Permohonan lesen boleh-lah di-buat kepada pegawai kanan chukai jualan yang menjaga daerah di-mana terletak tempat perniagaan utama si-pemohon itu. Oleh kerana ada kegiatan pengilangan yang tidak praktik atau tidak di-ingini di-kenakan chukai maka peruntukan di-buat dalam Fasal 14 di-mana Menteri Kewangan boleh mengecualikan sebarang kumpulan orang daripada kehendak² mengambill lesen.

Peruntukan² berhubung dengan invois, rekod, dan penyata² yang akan di-keluar atau di-sediakan oleh orang² kena chukai dan peruntukan² berhubung dengan taksiran ada-lah di-buat dalam Bahagian VII Rang Undang² ini. Dengan rengkas-nya tiap² orang yang kena chukai di-kehendaki menyimpan rekod² yang up-to-date mengenai segala urusan dan menyimpan-nya sa-lama tempoh enam tahun dari tarikh yang terakhir bagi rekod itu. Sa-saorang yang kena chukai juga di-kehendaki mengemukakan penyata² bulanan kepada Jabatan Kastam dalam tempoh dua puluh lapan hari sa-lepas berakhir tiap² satu tempoh chukai. Penyata² ini akan di-pereksa oleh pegawai chukai jualan yang tertentu.

Bahagian VIII dalam Rang Undang² ini ia-lah berkenaan dengan memungut, mengambil-balek, memulangkan-balek dan meremit chukai jualan. Sayugia di-nyatakan bahawa seksyen 29 menguntokkan bahawa ambilan-balek penuh bagi chukai jualan yang telah di-bayar atas barang² untuk di-ekspot daripada Persekutuan boleh di-benarkan terta'alok kepada sharat² yang sama seperti yang di-kenakan bagi ambilan-balek chukai² kastam. Bagi chukai² jualan yang telah tersalah di-bayar pulangan-balek chukai itu boleh di-tuntut daripada Ketua Pengarah Kastam dengan sharat permohonan itu di-buat dalam tempoh sa-tahun daripada tarikh pembayaran lebeh tersebut.

Kuasa² bagi pegawai² kanan chukai jualan dan pegawai² chukai jualan ada-lah sa-rupa dengan kuasa yang di-beri kepada pegawai² Kastam di-bawah Akta Kastam, 1967 dan kuasa² itu ada-lah di-peruntokkan bagi maksud itu dalam Bahagian IX Rang Undang² ini. Peruntukan² dalam undang² yang di-chadangkan itu mengenai kesalahan

dan hukuman² ada-lah di-nyatakan dalam Bahagian X Rang Undang² ini dan peruntokan² berhubung dengan pembicharaan dan langkah pembicharaan yang timbul dari pendakwaan berkenaan dengan apa² kesalahan yang di-lakukan di-bawah undang² yang di-chadangkan itu ada-lah di-peruntokkan dalam Bahagian XI Rang Undang² ini. Peruntokan² ini ada-lah juga sa-rupa dengan peruntokan² dalam undang² Kastam dan Eksais yang berkuatkuasa pada masa ini.

Bahagian XII memberi kuasa kepada Menteri Kewangan bagi membuat peratoran² atas pentadbiran cukai jualan berkenaan dengan pengeluaran lesen², tempat² di-mana cukai jualan di-bayar dan di-pungut, meremit cukai jualan yang berjumlah kecil oleh Ketua Pengarah Kastam dan barang² yang akan di-gunakan untuk cukai itu.

Oleh kerana cukai jualan akan di-levi dan di-pungut atas barang² impot dengan chara yang sama seperti cukai kastam di-levi dan di-pungut, maka peruntokan khas kena-lah di-buat bagi Labuan dan Pulau Pinang masing² dalam Bahagian XIV dan XVI Rang Undang² itu. Bagi Labuan peruntokan dalam Fasal 73 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengenakan cukai jualan atas apa² jua barang² berchukai dari sa-masa ka-samasa dengan mengeluarkan satu perintah yang di-terbitkan dalam Warta Kerajaan. Barang² yang di-buat di-Labuan ada-lah di-anggap sa-bagai barang² yang di-buat di-luar Persekutuan. Apabila di-bawa ka-Kawasan Utama Kastam barang² ini di-kenakan cukai jualan pada masa barang² itu tiba di-kawasan tersebut. Bagi Pulau Pinang peruntokan berhubung dengan nilai jualan dalam Fasal 82 ada-lah perlu kerana sekarang ini maseh ada lagi barang² yang cukai impot-nya di-Kawasan Utama Kastam belum lagi di-kenakan di-Pulau Pinang. Bagi barang² yang cukai impot-nya tidak di-kenakan, nilai jualan-nya ia-lah jumlah nilai barang² itu yang di-gunakan untuk pengiraan cukai² kastam dan jumlah cukai tambahan, jika ada yang di-kenakan atas barang² itu. Jika barang² itu di-bawa ka-Kawasan Utama Kastam cukai jualan akan di-kenakan atas jumlah cukai impot yang kena bayar atas barang² itu apabila tiba di-kawasan tersebut.

Akhir sa-kali Bahagian XV ia-lah berkenaan dengan kedudukan cukai jualan atas barang² berchukai eksais yang di-bawa di-antara ke-tiga² negeri Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak. Barang² ini yang sekarang di-kechualikan daripada bayaran cukai eksais pada masa di-hantarkan ka-mana² negeri tersebut akan juga di-kechualikan daripada cukai jualan tetapi apabila tiba di-mana² negeri tersebut cukai jualan kena di-bayar saolah² barang² itu di-impot ka-Persekutuan pada kali pertama-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. .

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun saya menyokong pada dasar-nya Rang Undang² ini atau pun Cukai Jualan sa-bagai satu chara untuk menambahkan lagi wang negara kita, namun saya ingin memberi sedikit pandangan pada beberapa perkara dalam Rang Undang² ini dan juga mengenai cukai² di-negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh kita elakkan bahawa ra'ayat itu wajib mem-bayar cukai supaya dengan bayaran itu Kerajaan dapat memajukan lagi negara. Bagi pehak Kerajaan pula harus-lah Kerajaan memberi pertimbangan dan menyedari sa-penoh²-nya keadaan yang tidak sa-imbang di-antara gulungan² ra'ayat di-negara kita ini. Ra'ayat di-bandar mempunyai pekerjaan sunggoh pun mungkin tidak 100% chukup tetapi peluang lebih banyak daripada ra'ayat luar bandar. Ra'ayat di-luar bandar maseh lagi banyak dalam keadaan yang tidak memuaskan. Saya tidak menyalahkan Kerajaan Pusat dalam perkara ini kerana saya sedar bahawa usaha untuk meninggikan taraf kehidupan, memperbaiki keadaan kehidupan ra'ayat itu memang tidak dapat berjalan dengan segera. Tetapi kalau kita menyedari bahawa ra'ayat di-luar bandar itu kehidupannya maseh banyak menderita dan kita menyedari juga bahawa akan mengambil masa yang panjang hendak mengubah keadaan di-luar bandar, maka harus-lah Kerajaan memberi pertimbangan di-dalam masalah cukai ini.

Tiap² cukai, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat tidak, banyak atau pun sedikit-nya, mesti akan di-bayar oleh tiap² gulungan

ra'ayat jelata. Mereka yang berpendapatan kecil \$100, \$50, \$60 sa-bulan akan merasa sangat² payah sa-kali hendak berpisah dengan wang mereka sa-banyak 10 sen atau pun 15 sen. Bagi orang yang kaya-raya, itu tidak menjadi masalah sama sa-kali bagi mereka untuk membayar beribu² ringgit sa-bulan. Dengan hal yang demikian itu saya rasa Rang Undang² ini harus di-perbaiki lagi dengan memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan supaya dia dapat membuat peratoran atau pun perintah ia-itu walau pun Chukai Jualan itu di-kenakan di-satu tempat yang kurang ma'amor di-Bario, di-Ulu Lembang, di-Ulu Sebutir, di-Kapit, di-Kenawit, di-Belaga, di-Malaysia Timor, di-Kinabatangan, jangan-lah di-kenakan Chukai Jualan sa-mata² kerana keadaan ekonomi ra'ayat di-negeri itu. Dengan hal yang demikian itu saya ingin menhadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya mengkaji lagi bagaimana cara dapat memperbaiki Clause 8, Clause 14 dan Clause 15.

Tuan Yang di-Pertua, Clause 15 mithalnya, menentukan kadar cukai yang patut di-kenakan. Saya harap Menteri yang berkenaan itu juga mempunyai kuasa supaya dapat menentukan kadar yang berlainan bagi kawasan² yang berlainan keadaan pembangunan-nya di-negara kita ini. Kuala Lumpur telah menjadi bandaraya yang ma'amor mungkin patut kadar cukai-nya 5% tetapi kalau pergi di-Serian, di-Tebedu, di-Engkili, Lubok Antu di-Sarawak, tidak ada kilang, tidak ada apa², hendak membuat kilang ubi kayu pun lambat—belum berjalan lagi, kerana beberapa masalah, jangan-lah di-kenakan kadar cukai yang sa-rupa juga. Jadi itu-lah saya berharap tadi sa-moga Menteri yang berkenaan itu dapat di-beri kuasa yang lebih luas lagi supaya dapat menentukan kadar cukai yang berlainan mengikut keadaan di-tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa hari ini saya telah membaca akhbar², akhbar *The Asian*, akhbar *Far Eastern Economic Review* dan lain² lagi. Hari ini *Straits Times* terdapat banyak berita² mengenai chadangan² hendak membuat kilang petrochemical, yang mana di-chadangkan hendak di-buat di-Phillipines atau pun di-Singapura atau pun di-Indonesia. Malaysia terutama sa-kali Sarawak yang ada minyak, technician-nya lupa kepada negeri kita. Yang menjadi hairan bagi saya juga ia-lah expert daripada

ECAFE, kalau saya tidak salah, telah berjalan dalam kawasan ini mengkaji di-mana patut meletakkan atau mendirikan kilang untuk membuat agricultural machinery implements. Malaysia tidak di-lawati tetapi Singapura di-lawati. Di-mana hendak buat agriculture di-Singapura? Itu bukan menjadi masalah mengenai cukai. Yang ada kaitannya dengan cukai ini ia-lah ada di-sebutkan di-dalam kenyataan di-dalam akhbar ini, bahawa negeri² yang berkenaan itu satu daripada faktor yang menarik hati gulungan² yang membuat chadangan ini ia-lah financial terms yang lebih menarik—tidak di-sebut lebih menarik daripada Malaysia, atau pun lebih daripada negara² yang lain. Jadi saya berharap sa-moga Kerajaan Pusat kita terutama sa-kali Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan Timbalan-nya yang muda, kerja kuat dan sa-terus-nya maseh sehat, sa-moga dapat memberi perhatian yang sapenoh²-nya dalam masalah cukai ini, supaya kita jangan tewas, jangan kalah dalam perlumbaan untuk mendirikan industri² di-dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun tidak begitu relevant kepada masalah ini, tetapi ingin juga saya menyatakan di-sini rasa terima kasih ra'ayat di-Malaysia Timor tentang keputusan daripada pihak Menteri Kewangan menarik balik chadangan harmonization exercise dahulu tentang gula—itu satu perkara yang sangat² baik. Di-dalam konteks cukai ini harus-lah di-beri pertimbangan kepada negeri² di-Malaysia Timor kerana kita lambat maju, bukan salah Kerajaan Pusat—tidak, keadaan telah memaksakan demikian.

Dalam masalah menentukan cukai ini di-pertimbangkan sama ada akibat satu chadangan yang baharu itu akan menyebabkan gulungan² swasta, baik daripada luar negeri mahu pun daripada dalam negeri, tidak mahu membuat industri² di-negeri Sarawak atau pun Sabah, tetapi lebih tertarik kepada Malaysia Barat sahaja kerana banyak kemudahan².

Jadi incentive² yang lebih daripada di-berikan kepada beberapa buah negara di-Malaysia Barat (bukan semua-nya, tidak) harus di-beri pertimbangan sa-dalam²-nya apabila Kerajaan Pusat atau pun Menteri Kewangan memikirkan perkara industri, perkara cukai di-seluruh negara kita. Saya

ingin mengulangi apa yang telah saya nyatakan dahulu dalam Dewan ini bahawa potential di-Malaysia Timor begitu banyak, tetapi kalau tinggal potential sahaja, tidak di-sertakan dengan financial terms yang boleh menarik hati orang menanam modal di-Malaysia Timor, maka potential itu akan tinggal menjadi impian sahaja tidak akan dapat menjadi reality atau pun kenyataan di-belakang hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Clause 2 Rang Undang² ini terdapat beberapa tafsiran². Satu daripada tafsiran-nya ialah taxable goods atau pun barang² yang berchukai. Tuan Yang di-Pertua, di-sini: "taxable goods" means goods of a class or kind not for the time being exempted from sales tax. Kemudian ada clause yang memberi kuasa untuk mengechualikan barang² yang tertentu daripada di-kenakan chukai. Saya berpendapat taxable goods atau pun barang² yang kena chukai harus di-tafsirkan supaya sekim (chara) Rang Undang² ini di-deraf bukan menentukan apa barang² yang di-kechualikan, tetapi di-tentukan dan di-publish, di-ishtihar pada barang² yang patut kena chukai supaya senang orang mengetahui. Kalau bagini chara-nya semua barang² kena chukai, kechuali 1, 2, 3, 4, 5. Ini saya rasa agak memeningkan kepala ra'ayat biasa sadikit; jikalau di-terangkan: Ini barang di-chukai, jadi mereka akan dapat mengetahui dengan jelas-nya dan juga ada element control yang lebeh banyak di-dalam Dewan ini, jika sistem itu di-jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi pentadbiran Rang Undang² ini, saya berharap form², borang² yang akan di-buat itu tidaklah akan memeningkan kepala bakal² permohonan². Saya harap borang² itu hendaklah di-buat dengan begitu mudah, boleh di-mengertikan oleh ra'ayat yang akan memohon di-daftar di-bawah Rang Undang² ini.

Di-bawah Clause 12 (2) "Any manufacturer who is not otherwise required to license under this Act may apply Director-General shall issue a license dan sa-terus-nya. Sunggoh pun di-bawah sub-clause 1 permohonan itu boleh di-beri kepada pegawai kanan di-satu tempat itu di-daerah yang berkenaan, namun kuasa mengeluarkan lesen itu ada-lah di-dalam tangan Director-General yang dudok-nya di-Ibu Negara kita di-Kuala Lumpur ini.

Saya berharap Rang Undang² ini akan membolehkan delegation of powers kepada Regional Directors untuk mengelakkan ke-lambatan dalam memproses permohonan² daripada bakal² pengilang²".

Pengalaman kita di-Malaysia Timor, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Sarawak, Sabah jauh daripada Ibu Negara, (terkadang² jauh di-mata, jauh di-hati, tidak juga selalu berlaku begitu, tetapi sa-kali dua kali berlaku juga), permohonan yang harus di-proses dengan chepat mengambil masa yang lebeh panjang, semata² kerana segala²-nya harus di-tumpukan, harus di-pusatkan di-Ibu Negara kita sahaja. Jadi saya sangat² berharap dan menkadang untuk di-pertimbangkan dengan serious sa-kali oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri rakan saya yang muda remaja yang chekap selalu hendak tolong Sarawak, supaya kuasa ini dapat di-delegate kepada Regional Director di-Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya ingin saya mengingati lagi bahawa keadaan kehidupan ra'ayat kita di-luar bandar bukan sa-mesti-nya di-Sarawak dan di-Sabah sahaja, di-sini juga terdapat di-Kelantan, Pahang, Trengganu dan banyak di-tempat² lain, menghendaki simpati daripada Kerajaan Pusat kita dan menghendaki pertolongan yang lebeh banyak lagi, maka dengan hal yang demikian apabila sampai masa-nya kelak bagi Rang Undang² ini diperkuat-kuasakan di-Malaysia dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memikirkan apa-kah barang² yang patut di-kenakan chukai jualan, atau pun tidak patut di-kenakan chukai jualan. Saya ingin mengambil perhatian terlebih awal, mithal-nya kalau sa-orang saperti rakan saya daripada Sarawak suka pakai pakaian yang mahal², atau daripada Sabah, saperti terylene-kah dan lain²-kah; itu kena chukai patut, tetapi kalau dia pakai kain yang biasa (kami di-Sarawak panggil belachu, di-sini saya tidak tahu kain apa), orang² di-luar bandar ramai yang menggunakan-nya, jangan di-kenakan chukai jualan ini. Begitu juga kalau dia hendak pakai Kasut Bally, chukai-lah sa-bberapa banyak yang mahu kerana hanya orang² kaya, taukeh² kayu balak, taukeh² tin mining dan taukeh yang lain² yang suka hendak pakai kasut Bally, tetapi banyak orang di-Sarawak itu dia hendak pakai kasut bata canvas pun payah, jadi dia pakai kasut

buatan daripada getah di-luar bandar. Jadi benda yang seperti ini jangan-lah di-kena chukai jualan, kerana akan menambahkan lagi bebanan ka-atas ra'ayat² di-luar bandar kita. Sa-belum negara kita dapat memberi kehidupan yang lebih sempurna lagi kepada ra'ayat² di-luar bandar kita harus berjaga², berhati² sa-belum kita melaksanakan chadangan chukai² ini ka-tempat² yang dimaksudkan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengulangi pada dasar keseluruhan-nya, saya menyokong penoh Rang Undang² ini. Terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong Rang Undang² ini, tetapi chuma sedikit sahaja, ia-itu Kerajaan mesti-lah berhati² berkenaan 3 perkara ini, ia-itu:—

- (i) makanan;
- (ii) pakaian;
- (iii) pembangunan.

Apabila saya mengatakan makanan, bukan-lah makanan di-hotel² yang besar². Jualan makanan di-hotel² besar patut-lah chukai lebih besar lagi oleh kerana orang² yang berduit makan di-hotel² yang besar. Tetapi, perkara yang penting sa-kali kepada orang² yang di-luar bandar dan orang² miskin keseluruhan-nya: beras, gula garam, biar-lah saya katakan barang² yang mustahak; ikan kering, belachan, chili, rempah², ini-lah barang² yang penting untuk ra'ayat jelata di-maksudkan dan juga yang lain².

Sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ketua Menteri Sarawak tadi tentang soal pakaian. Pakaian yang bergaya² itu mesti-lah di-chukai, tetapi kain² yang murah, kain² MARA mithal-nya yang murah seperti batek, kain² itu di-pakai oleh orang ramai, itu sepatut-nya jangan di-chukai.

Yang ketiga mengenai pembangunan. Perkakas² pembangunan di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini bermacam² ranchangan pembangunan akan di-buat, seperti jambatan, Rumah² Kerajaan, Rumah² Pegawai² Kerajaan, dan rumah² orang miskin banyak akan di-buat. Jikalau simen-nya di-chukai, ada jualan; taukeh simen akan meletakkan lagi 20% mithal-nya. Jadi, sudah mahal, maka pembangunan makin mahal. Hendak meninggikan taraf hidup orang² kampung, tentu orang² kampung

hendak buat rumah yang lebih elok dan sesuai lagi. Kalau mithal-nya zing sudah naik 10% atau 15%, harga zing sudah mahal. Bagitu juga perkara² yang lain, ia-itu perkakas² yang lain seperti paku, papan, dan simen yang mana orang² kampung yang sangat² berkehendakkan kepada barang² ini untuk pembangunan. Maka, dengan sebab itu, saya harap-lah Kerajaan mesti-lah berhati² di-atas perkara ini kerana pembangunan ada-lah satu perkara, dan kedua untuk menolong orang² miskin bagi pembangunan ada-lah satu perkara juga. Maka kedua² perkara ini mesti-lah di-timbangkan. Sekian, terima kaseh.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahathan Rang Undang² Chukai Jualan ini dan saya minta izin Tuan Yang di-Pertua, untuk berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di-izinkan.

Tuan V. Veerappen: Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya membangkang Rang Undang² ini.

(Dengan izin) Mr Speaker, I oppose this Bill because it is inequitable and it is not just—tidak adil—and also it is regressive and not progressive, as I would show the House later. It is also against the principles as enunciated in the Rukunegara which requires to establish a more just and equitable society—well, if that is not so then prove me wrong. It falls both on the rich and the poor, and the young and the old, everyone will be brought under the compass of this Bill. It also, as pointed out, gives arbitrary powers to the Minister and once a trend in this form of tax is established, as it will be when this Bill is passed, it cannot be stopped, it cannot be reversed, the normal tendency would be to increase and go on increasing; and this Bill to my mind, is unsuitable and unnecessary because, Mr Speaker, as was pointed out earlier when we debated the gaming tax. If that tax, which is 5%, can be increased three times, maybe you will get what you will get from this Bill.

This Bill, Tuan Yang di-Pertua, to impose a sales tax is an innovation of the Government to introduce a really broad based tax so that it can encompass everybody. If

approved this new system of taxation will cover the whole population, even babies will not be exempted. While the Minister may be able to exempt milk powder, what about the other things that babies will require? So many Members earlier talked about building materials, zinc and so forth, but one cannot decide what is essential and what is not essential. Basically we would say foodstuffs are essential. This tax also, Mr Speaker, will fall more and more on those less and less able to shoulder the burden. Although the Minister of Finance is empowered to exempt certain essentials, the list of exemptions cannot be exhaustive, as has been pointed out, and I think will be pointed out, by several Members. There will be hundreds of things that would be essential to people at some time or other. The Honourable Member for Sarawak, the Chief Minister of Sarawak, asked the Government to publish a list of the things that are going to be taxed but that is not the intention of the Government. They want it to be as broad as possible so that everything can come within the umbrella, within the net. That is the intention. So I am sure his suggestion is not going to be accepted. As such, Mr Speaker, Sir, it is a backward step and is contrary to the progressive policies which the Government states in the Rukunegara and even in the Second Malaysia Plan. The 5% as stated by the Minister of Finance may be a modest one. Anyway, Mr Speaker, this 5% is not in the Bill; it is only in the Budget Speech and the power is given for the Finance Minister to impose whatever he likes. But once this Bill is passed it cannot easily be halted or reversed. As I said, the temptation would be to increase.

One eminent American economist had this to say when the sales tax was to be introduced in the United States of America—and I hope Honourable Members on the Government side would not laugh when I refer to an American, because this same American by the name of N.R. Nathan who is President of a firm, which is also by that name, has been appointed by our Government to undertake Master Plan Studies in our country and one of the Studies he did was a study on the economic development of Penang. In the Report of the Committee for Economic

Development published in 1966 in page 71, he says as follows and with your permission, Mr Speaker, I would like to quote:

“The proposal to rely on a broadly based tax at a low rate on business receipts, which in essence is an unduplicated sales tax is, in my judgment an undesirable innovation for the Federal Government. Both on equity and physical policy grounds, this is a serious step backward. The strength of our Federal Tax system as an economic stabiliser will be weakened if we move from the corporate profits tax towards the sales tax. The burden of taxes will fall more and more on those less and less able to shoulder the burden. It has been argued that only a modest movement towards a Federal sales tax has been proposed, but once this direction has been initiated it may not be easily halted or reversed.”

Now, the situation here is almost the same.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambong esok.

UCHAPAN TANGGOHAN

PEKERJA² MUNICIPAL MENDAPAT KEUTAMAAN RUMAH²

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to speak today on the plight of the Municipal workers in my constituency of Bungsar. Sir, these Municipal workers have complained to me that they were forced to quit their quarters once they retire. This happened despite the fact that many of them have children working with the Municipality and furthermore their children's applications for quarters were still pending owing to a long list of applicants for such quarters. This new regulation of quit-on-retirement was applied by the Kuala Lumpur Municipality only after May, 1969. Before that, when a worker retired, his living quarters was automatically transferred to his son's name if the latter is a Municipal employee. As it is, those Municipal workers who reach the retirement age face the prospect of losing their present accommodation. The alternative for them is to shift to squatter slums where the rent is low, only to create more problems for the Municipality.

Sir, these workers are mostly odd-job labourers earning about \$100 a month. As

the prices of practically all consumer goods are soaring sky-high, their economic position has become untenable with such a meagre salary. For the rubbish collectors who are paid only \$3.10 a day, they can't even make ends meet. These workers usually have big families with six to seven children to support. For those who are not provided with Municipal quarters, they are given \$32 a month as housing allowance. What can these poor people do with this \$32 allowance? They cannot even rent a room in the town centre or outside.

At present, the number of Municipal quarters is hardly sufficient to meet the requirement of these workers. As more workers are recruited by the Municipality every year, the need for housing accommodation will become even more acute. Therefore, Sir, may I recommend that the Municipality takes the following steps to remedy the situation:

- (1) The Municipality should build more housing units immediately, particularly the 2-room flats type or the terrace house type for its employees. Would the Honourable Minister please let us know today when this could be done?
- (2) Start home-ownership programmes as envisaged under the Second Malaysia Plan by selling the present Municipal housing units to its workers on a monthly instalment basis at reasonable rates.
- (3) The monthly housing allowance of \$32 should be increased for those who are not provided with quarters.
- (4) Municipal-employed children of retiring workers should be allowed to occupy their present premises. It is bad to evict the families of retired workers from Municipal quarters taking into consideration the long services they have rendered so faithfully to the Federal Capital City.
- (5) Pensionable funds and gratuity which have been scrapped by the Municipality should be restored back to those workers who are qualified for these benefits.
- (6) The Government should immediately release the Harun Commission Report so that the workers would know where their future lies.

Now, Sir, I would like to touch very quickly on the case of children of Municipal workers not being given first preference when they applied for jobs in the Municipality. Before May, 1969, children of these Municipal employees were given priority in their job applications. I hope the same consideration could be given again. I would be very grateful if the Honourable Minister would let us know today when this will be done. Thank you, Sir.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris untuk menjawab ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I do not think that the Honourable Member is correct when he stated that a worker who has retired has to give up this quarters even if one of his children or his own son is working for the City of Kuala Lumpur and has not been allotted quarters. However, I shall look into this matter and also the other points raised by him. As the House is aware, there is a great shortage of housing to meet the needs of the influx of people from the rural areas into the city. Some of these are squatting illegally on State land or on private property and have to be re-housed. The City Administration had in the past built houses to meet these needs, but because the State Government has all the land, this is now undertaken by the Selangor State Government which has done a lot during the last few years.

Municipal employees who have served for 20 years are accorded priority in the allocation of Municipal quarters. But the criterion is not solely on the basis of the length of service of an officer with the City Administration. For example, the size of the family of an employee and the immediate needs of an officer who has been evicted from private or State land, or that of a flood victim or fire victim should also be taken into account.

With regard to the second part of the Honourable Member's speech, preference of job cannot be accorded to certain section of the society. In accordance with Article 8 (2) and (4) of the Constitution all jobs, whether in the Municipality or in any other depart-

ment of the Government, are open to all Malaysian citizens, including children of the Municipal employees.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Where all things being equal, would consideration then be given for those children whose parents have worked for the Municipality so faithfully for 20/30 years—all things being equal?

Dato' Ong Kee Hui: All things being equal, naturally that will be a point in the applicant's favour.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesnua-rat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.40 petang.